

BAB ENAM

ADAT, INTERAKSI, DAN PERUBAHAN SOSIAL

6.0 Pengenalan

Menurut catatan sejarah hubungan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat Melayu bermula dengan kegiatan 'pemburuan hamba abdi' (Endicott 1983). Di samping itu perhubungan dengan masyarakat luar juga dibentuk melalui kegiatan pertukaran hasil-hasil hutan dengan barang keperluan masyarakat Orang Asli.

Melalui kegiatan pertukaran masyarakat Orang Asli membentuk perhubungan dengan masyarakat Melayu dan Cina, yang bertindak sebagai orang tengah. Namun bentuk perhubungan masyarakat Orang Asli kini mula mengalami perubahan. Perhubungan ini tidak lagi hanya terbatas di antara peniaga dan Orang Asli sahaja.

Bentuk lingkungan integrasi masyarakat Orang Asli kini menjadi lebih luas dan merangkumi pelbagai lapisan masyarakat. Misalnya perhubungan dengan kakitangan JHEOA, Kementerian Kesihatan, Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah, Jabatan Pendaftaran, dan sebagainya. Di samping itu perhubungan di antara masyarakat Jakun dengan masyarakat luar berterusan melalui penjaja, peniaga, pendatang asing, penyebar agama dan lain-lain. Kepelbagaiannya golongan yang

berintegrasi dengan masyarakat Orang Asli juga dijelaskan oleh Hood (1980b). Antara golongan yang didapati berintegrasi dengan masyarakat Orang Asli termasuk penyebar agama, orang tengah, pekerja balak, tentera, pengawas hutan, pelancung¹, dan ahli antropologi dan sosiologi.

Melalui integrasi yang dibentuk dengan kesemua golongan masyarakat ini, akhirnya telah meninggalkan pelbagai kesan sosial dan budaya. Masyarakat Orang Asli cuba melakukan penyesuaian dengan nilai-nilai dan norma-norma baru mengikut kesesuaian dan kepentingan masing-masing. Akhirnya kesan yang paling jelas akan membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Orang Asli.

Di samping itu melalui integrasi masyarakat Orang Asli dengan masyarakat luar, turut meninggalkan kesan buruk. Kesan yang paling ketara boleh dilihat menerusi masalah sosial seperti pelacuran, perjudian, dan masalah ketagihan arak.

¹. Masyarakat Jakun atau Orang Hulu yang tinggal di persisiran sungai Endau-Rompin didapati sering menerima kunjungan pelancung asing. Contohnya semasa pengkaji melawat ke Kampung Mentelong yang terletak di bawah pentadbiran daerah Rompin, terdapat pelancung dari Denmark yang turut melawat ke kampung ini.

6.1 Adat

Pembentukan adat sesuatu masyarakat adalah berdasarkan pandangan atau 'world view' masyarakat. Maju atau mundurnya sesuatu masyarakat sering dikaitkan dengan 'world view' ini. Pembentukan adat dan budaya dalam mana-mana masyarakat berlaku melalui proses pembelajaran, dan proses sosialisasi.

Adat dan sistem nilai yang wujud dalam masyarakat merupakan sebahagian dari budaya. Peraturan adat mempunyai pertalian yang rapat dengan sistem nilai yang diamalkan. Sistem nilai ini lahir daripada konsep yang wujud dalam pemikiran sesuatu masyarakat.

Proses penciptaan adat bermula dengan kebiasaan yang diamalkan dan akhirnya menjadi kebiasaan (Ismail Hamid 1991). Dari konsep nilai ini tercipta suatu peraturan adat yang bertujuan untuk mengawal perlakuan anggota masyarakat demi mewujudkan keharmonian dan menjamin kesahjeraan masyarakat. Pembentukan adat dan budaya dalam masyarakat Jakun juga turut melalui proses ini. Menerusi pembentukan adat dan budaya masyarakat Jakun, perbincangan akan dilakukan merangkumi adat perkahwinan, kelahiran, perceraian, dan kematian.

6.1.0 Perkahwinan

Perkahwinan dalam semua masyarakat merupakan satu bentuk pengiktirafan yang mengesahkan bentuk hubungan di antara seorang lelaki dan perempuan. Perkahwinan dalam masyarakat Orang Asli suku Jakun perlu melalui empat peringkat khusus sebelum disahkan sebagai pasangan suami isteri.

- a. Bertanya dan berpakat juga disebut sebagai merisik atau *mengangin*
- b. Meminang
- c. Bertandang tunang
- d. Bersanding

Merisik yang merupakan langkah pertama yang perlu dilakukan oleh pihak lelaki sebelum sesuatu perkahwinan dilangsungkan. Proses ini melibatkan penghantaran wakil daripada pihak lelaki atau lebih dikenali dengan 'wali' yang terdiri daripada keluarga terdekat sebelah lelaki. Rombongan ini akan bertandang ke rumah pihak perempuan dan menyampaikan hasrat mereka. Tempoh akan diberikan kepada pihak perempuan untuk membuat keputusan, dan kebiasaannya tempoh yang diberikan antara seminggu hingga sebulan.

Setelah peringkat pertama selesai, dan sekiranya pihak perempuan menyatakan persetujuannya menerima hasrat pihak

lelaki, maka proses peminangan dilakukan. Penghantaran rombongan meminang akan disertai dengan barang-barang seperti alat solek, sepasang baju dan sebentuk cincin yang dibungkus di dalam sehelai kain. Dalam tempoh bertunang ini si lelaki dikehendaki memperuntukan sejumlah wang kepada tunangannya. Jumlah wang ini bergantung kepada kemampuan si lelaki. Pemberian wang ini menjadi lambang tugas dan tanggungjawab seorang suami terhadap isterinya. Seterusnya belanja perkahwinan akan ditentukan mengikut kemampuan dan kedudukan keturunan pihak perempuan. Di samping itu tarikh perkahwinan turut ditetapkan oleh pihak yang terlibat.

Peringkat ketiga dinamakan 'bertandang tunang', ianya dilakukan pada malam sebelum majlis persandingan dilakukan. Rombongan pengantin lelaki akan mengunjungi rumah pengantin perempuan dengan diiringi paluan gong. Di majlis 'bertandang tunang' ini rombongan pengantin lelaki diraikan dengan jamuan makan. Setelah selesai menjamah jamuan, upacara berinai akan dilakukan. Pengantin perempuan akan menempek inai ke tangan pengantin lelaki dan sebaliknya dilakukan. Setelah itu rombongan pengantin lelaki akan pulang ke rumah.

Peringkat terakhir merupakan kemuncak di dalam upacara perkahwinan masyarakat Jakun. Pada keesokan harinya selepas majlis 'bertandang tunang' dilakukan, upacara persandingan akan berlangsung. Sekali lagi paluan gong mengiringi

rombongan pihak lelaki menuju ke rumah pengantin perempuan. Pengantin lelaki akan dipayungkan, dan sebelum pengantin disandingkan persembahan pencak silat diadakan. Setelah selesai pengantin lelaki akan menaiki pelamin untuk bersanding, dalam masa yang sama pengantin perempuan telah siap menanti di atas pelamin. Mengikut adat tridisi pengantin perempuan dikehendaki memakai pakaian yang dihadiahkan oleh pengantin lelaki semasa majlis pertunangan, dan ianya tidak boleh ditukar selama tiga hari. Pada malam harinya majlis berjoget akan diadakan sempena meraikan pasangan pengantin. Sebagai pembuka tirai pengantin lelaki dan pengantin perempuan dikehendaki memulakan majlis berjoget ini.

Kempat-empat peringkat di atas adalah dirujuk kepada perkahwinan tradisi yang menjadi amalan masyarakat ini. Walau bagaimanapun bentuk upacara dan istiadat ini mula mengalami perubahan kesan dari proses pengaruh budaya asing. Contoh yang paling jelas seperti pemberian hadiah oleh sahabat handai kepada pasangan pengantin. Budaya pemberian hadiah ini bukan merupakan budaya tradisi sebaliknya ditiru daripada masyarakat Cina dan Melayu. Pemberian hadiah ini sering berlaku di kalangan golongan muda yang bekerja sebagai pekerja kilang. Percampuran berbagai kelompok etnik dalam lingkungan kumpulan sosial ditempat-tempat kerja telah mempengaruhi sesetengah dari pola-pola perlakuan dan tingkah laku mereka.

Jenis barang yang dijadikan hadiah hantaran daripada pengantin lelaki kepada pengantin perempuan turut mengalami perubahan. Contohnya pada masa lampau hadiah hantaran yang dibawa oleh pengantin lelaki terdiri dari tungku dapur yang diperbuat dari besi, jarum, dan benang. Hadiah-hadiah ini menjadi simbol peranan dan tanggungjawab yang seharusnya dimainkan oleh seorang wanita yang telah bergelar isteri. Namun sekarang bentuk pemberian hadiah hantaran perkahwinan telah berubah. Bentuk barang yang diberi oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan berupa barang seperti pakaian, alat solek, barang kemas, dan lain-lain.

Pakaian persandingan yang dipakai oleh pasangan pengantin perempuan juga telah banyak mengalami perubahan. Bagi pasangan yang berkahwin mengikut adat masyarakat Jakun biasanya pakaian yang dipakai adalah sama seperti pakaian yang dipakai oleh masyarakat Melayu. Jika dahulu masyarakat Jakun memakai baju yang dihadiahkan oleh pengantin lelaki semasa majlis bertunang. Tetapi kini ada di antara mereka yang memakai baju yang disewa dari kedai pakaian pengantin. Bagi yang berkemampuan mereka akan menyewa pakaian pengantin seperti Baju Melayu, dan Kebaya serta hiasan pengantin.

Bentuk adat perkahwinan yang kedua melibatkan perkahwinan campur sama ada yang melibatkan pasangan yang terdiri mereka yang berketurunan Cina atau India.

Percampuran adat dan budaya didapati berlaku dalam perkahwinan jenis ini. Scenario ini lebih ketara di antara pasangan yang berkahwin dengan mereka yang berketurunan Cina.

Dalam istiadat perkahwinan khususnya dengan pasangan yang berketurunan Cina atau peranakan Cina, biasanya pakaian yang dipakai oleh pasangan pengantin ialah *suit* dan *gaun* putih. Rumah-rumah mereka turut dihiasi dengan kertas-kertas berwarna merah dan mercun turut dibakar. Terdapat juga pasangan pengantin yang melakukan perkahwinan campur menjalankan kedua-dua bentuk adat serentak. Persandingan dilakukan dua kali dengan pakaian ala pengantin Cina pada waktu siang dan berpakaian tradisi Melayu pada waktu malam.

Tetapi bagi kes perkahwinan di antara suku Jakun dengan pasangan yang berketurunan India perbezaan ini tidak ketara. Sebab yang paling jelas ialah dalam kes perkahwinan campur sebegini pasangan yang berketurunan India mengikuti adat dan budaya tradisi Orang Asli.

6.1.0.0 Umur

Perubahan peringkat umur yang layak berkahwin turut mengalami perubahan. Bagi komuniti di Kampung Langkap perkahwinan bagi setiap pasangan berlaku pada peringkat usia yang terlalu muda. Anak-anak gadis mereka berkahwin

pada usia antara 13 - 15 tahun, dan lelakinya berkahwin pada usia antara 16 - 18 tahun. Sementara di Kampung Batu Tiga usia seseorang gadis yang akan berkahwin lebih tinggi. Mereka sekurang-kurangnya perlu mencapai peringkat usia 18 tahun. Pada usia 18 tahun ini seseorang gadis itu akan dianggap sudah *cukup teruna*² untuk berkahwin. Terdapat juga di kalangan gadis-gadis di Batu Tiga yang masih belum berkahwin walaupun telah mencecah usia lebih dari 18 tahun.

Peringkat umur lelaki yang dianggap layak untuk berkahwin di Batu Tiga juga jauh lebih tinggi berbanding dengan di Langkap. Usia seseorang lelaki yang dikira layak berkahwin perlu melebihi 20 tahun ke atas. Di samping itu seseorang lelaki juga perlu mempunyai pekerjaan sebelum berkahwin bagi menjamin kekuahan kedudukan ekonomi pasangan selepas berkahwin.

6.1.0.1 Pertempatan Selepas Kahwin

Dalam masyarakat tradisi pola perkahwinan lebih bersifat endogami. Keadaan ini disebabkan cara hidup komuniti yang sering berpindah randah dan hidup di dalam lingkungan komuniti yang kecil. Pola perkahwinan eksogami juga sebenarnya berlaku dan agak meluas di kalangan suku Jakun, dan ia menjadi lebih ketara khususnya di Kampung

². Umur yang dikira layak untuk berkahwin dan mendirikan rumah tangga.

Batu Tiga.

Pola pertematan bagi pasangan yang telah berkahwin dalam masyarakat Jakun berbentuk ambilokal. Ini bermakna setiap pasangan mempunyi hak untuk memilih pertematan mereka selepas berkahwin, sama ada di sebelah ibu bapa pihak lelaki atau pihak perempuan. Menurut kebiasaannya penetapan pemilihan tempat tinggal mengambil masa yang lama kerana ia perlu mengambil kira kedudukan ekonomi dan kesediaan pasangan untuk berdikari.

Selepas mendirikan rumah tangga pasangan tersebut biasanya akan tinggal bersama kedua ibu bapa perempuan selama beberapa lama dan kemudian akan berpindah semula ke rumah ibu bapa lelaki. Tempoh tinggal dikedua-dua tempat tersebut adalah tidak menentu. dan ianya berterusan dalam masa yang agak lama dan ada yang menjangkau 2 - 3 tahun. Setelah pasangan tersebut benar-benar bersedia dan mempunyai cukup wang untuk mendirikan rumah sendiri, maka pada masa ini mereka akan membuat keputusan untuk memilih kawasan tempat tinggal sendiri.

Namun kini pola pertematan seperti ini telah berubah kepada pola pertematan yang berbentuk neolokal. Bentuk pertematan seperti ini memberi kebebasan sepenuhnya kepada pasangan tersebut untuk memilih tempat tinggal diluar lingkungan ibu bapa mereka. Antara faktor yang menyebabkan

berlakunya perubahan pola pertempatan ini ialah perkembangan kegiatan ekonomi. Kemudahan untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik akan menentukan pola pertempatan selepas berkahwin. Peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan di luar kawasan pertempatan juga turut menyumbangkan kepada berlakunya migrasi sementara. Bagi yang berpendidikan dan memperolehi peluang pekerjaan di bandar-bandar besar seperti Kualan Lumpur dan Johor Bahru, pola pertempatan nayata telah berubah sama sekali. Begitu juga mereka yang bekerja sebagai anggota tentera, guru, dan kakitangan JHEOA.

6.1.1 Kelahiran

Terdapat dua cara untuk menyambut kelahiran bayi, sama ada oleh bidan terlatih atau oleh bidan kampung. Perkembangan teknologi pada hari ini membolehkan masyarakat Orang Asli menerima perkhidmatan kesihatan yang lebih baik. Tidak kira sama ada mereka tinggal di kawasan berhampiran dengan bandar mahupun mereka yang tinggal jauh di pendalaman.

Walaupun sistem perubatan moden begitu pesat berkembang namun peranan bidan tradisional masih dipentingkan. Dalam hal ini didapati hampir semua kampung-kampung Orang Asli mempunyai bidan kampungnya sendiri. Bidan-bidan tradisi ini mewarisi ilmu perbidanan mereka

melalui generasi tua yang terdahulu. Mereka ini mempunyai taraf serta kedudukan yang lebih tinggi di kalangan anggota masyarakat. Berdasarkan lawatan pengkaji ke beberapa buah perkampungan Orang Asli di sekitar Daerah Rompin, didapati sesetengah daripada bidan ini telah mengikuti kursus perbidanan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Mereka yang menghadiri kursus ini mendapat sijil dan diiktiraf sebagai bidan yang sah.

Fungsi bidan tradisional ini amat diperlukan terutamanya ketika waktu-waktu kecemasan. Misalnya apabila ibu yang hampir sampai waktu bersalin tidak sempat dihantar ke hospital. Masaalah ini sering dihadapi oleh masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan yang jauh di pendalaman dan tidak mempunyai kenderaan.

Walaupun fungsi bidan kini semakin kurang dalam menyambut kelahiran bayi, kerana ramai daripada mereka melahirkan anak di hospital, namun peranannya dalam upacara sebelum dan selepas kelahiran masih diperlukan. Bidan tradisi masih diperlukan untuk upacara melenggang perut ketika kandungan berusia tujuh bulan, dan upacara mencukur rambut bayi selepas tiga bulan dilahirkan. Bidan juga berfungsi melakukan upacara bertindik di kalangan kanak-kanak perempuan.

Dalam masyarakat tradisi bidan yang menyambut

kelahiran bayi akan diberi upah sebanyak RM25.00 berserta barang-barang lain mengikut jantina bayi. Sekiranya bayi yang disambutnya semasa lahir adalah lelaki beliau akan dihadiahkan dengan parang, lembing, dan kain pelikat. Pemberian barang-barang ini memberi makna dan simbol tersendiri. Bagi anak lelaki pemberian ini membawa harapan agar apabila ia besar ia akan menjadi seorang lelaki yang berani dan seorang yang rajin berusaha.

Sekiranya anak perempuan yang disambut, barang-barang seperti kuali, senduk besi, tungku besi, kain batik, jarum, dan benang akan dihadiahkan kepada bidan. Pemberian ini membawa maksud supaya anak tersebut akan menjadi seorang perempuan yang rajin didapur dan bijak menguruskan rumah tangga.

Bayi yang dilahirkan di kampung juga perlu dihantar kepada bomoh untuk dijampi selepas tempoh berpantang selama 44 hari. Dalam upacara ini bayi tersebut akan dimandikan dengan air yang dicampur dengan buah dan daun limau atau juga dikenali dengan mandi limau. Kemudian minyak kelapa akan disapukan keseluruh tubuh bayi. Tujuannya untuk mengelakan sebarang jenis penyakit kepada bayi dan apabila besar akan menjadi seorang yang rajin dan mengikut jejak kedua ibu bapanya.

Kini perubahan dari segi pemberian barang-barang

hadiah kepada bidan mengikut jantina jarang dilakukan. Fenomena ini dipengaruhi oleh kelahiran bayi yang lebih ramai dilakukan oleh bidan kerajaan di hospital. Jika ada pun, bayi yang dilahirkan di kampung pemberian hadiah bukan lagi dalam bentuk lembing, parang, tungku dapur, dan perkakas dapur. Keadaan ini berubah disebabkan pemberian barang tersebut semakin kurang praktikal. Sebaliknya pemberian wang sebagai hadiah lebih sering dilakukan.

6.1.1.0 Pantang Semasa Mengandung

Pantang yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli dari suku Jakun melibatkan tiga tahap yang berbeza. Pertama tahap sebelum proses kelahiran, kedua tahap semasa mengandung, dan ketiga selepas proses bersalin iaitu semasa tempoh berpantang.

Sama seperti dalam masyarakat Melayu tradisi proses berpantang perlu dilakukan oleh suami semasa isteri mengandung. Dalam komuniti Jakun berpantang begitu ketat diamalkan, dan ia perlu dipatuhi bagi mengelakan sebarang bencana buruk berlaku kepada isteri dan bayi di dalam kandungan.

Pantang semasa ibu mangandung perlu dipatuhi oleh suami isteri kerana ia dikuatirinya boleh menyebabkan anak di

dalam kandungan akan terkena *kenan*. Misalnya kenan ayam, kenan burung, kenan monyet, kenan kelawar, dan sebagainya. Pantang ini perlu dipatuhi bermula apabila seseorang perempuan mula mengandung sehingga anak tersebut dilahirkan dan berusia 1 bulan 10 hari. Seseorang suami dilarang melakukan perkara-perkara berikut;

1. Tidak boleh menyimbah air kepada bara api.
2. Tidak boleh membakar besi atau batu kerana ia boleh menyebabkan isteri keguguran.
3. Tidak boleh memaku kerana ia boleh menyebabkan bayi mati di dalam kandungan.
4. Tidak boleh mencederakan binatang kerana ia boleh menyebabkan bayi menjadi cacat.
5. Tidak boleh mengayam rotan kerana ia boleh menyebabkan bayi mati di dalam kandungan.
6. Tidak boleh menimbus tanah, kerana ia boleh menyebabkan bayi mati di dalam kandungan.
7. Apabila menyumpit perlu mengelakan dari binatang tersebut jatuh ke dalam air kerana ia boleh menyebabkan keguguran.
8. Tidak boleh menebang kayu sehingga jatuh ke dalam air kerana ia boleh menyebabkan keguguran.
9. Tidak boleh memecahkan telur kerana ia boleh menyebabkan bayi sesak nafas.
10. Tidak boleh melakukan kerja-kerja meracun kerana ia boleh menyebabkan bayi pening dan mabuk.

11. Dilarang mengebumikan mayat.

Pantang larang semasa mengandung ini mengalami sedikit perubahan di antara kedua-dua kampung. Didapati perubahan lebih ketara berlaku di kalangan komuniti kampung di Batu Tiga. Pantang larang ini tidak lagi dipatuhi oleh komuniti di Batu Tiga. Misalnya pantang larang tidak boleh memaku, menebang kayu, menimbus tanah, dan meracun tidak lagi dipatuhi. Keadaan ini disebabkan pantang larang ini menjadi kurang praktikal sekiranya terus diamalkan, terutamanya apabila kerja-kerja tersebut menjadi sebahagian daripada punca pendapatan.

6.1.1.1 Pantang Selepas Bersalin

Pantang selepas bersalin perlu dipatuhi oleh ibu yang melahirkan anak. Pantang ini lebih merupakan pantang dari segi jenis pemakanan, dan antara pantangnya seperti di bawah.

1. Tidak boleh memakan binatang yang mati disumpit seperti biawak, musang. Sementara babi, pelanduk, kancil dan beruang dikecualikan.
2. Tidak boleh memakan landak.
3. Tidak boleh memakan semua jenis sayur-sayuran yang tumbuh secara menjalar atau memanjat. Contohnya seperti kacang panjang, petola, labu,

- pucuk keledek, periya, mentimun, kangkong air,
dan lain-lain.
4. Tidak boleh memakan lada, terung, asam kelubi,
asam limau, dan nenas.
 5. Tidak boleh memakan jenis ikan yang menyambar dan
mempunyai sengat seperti ikan Lampam, Toman,
Duri, Sepat, Keli, dan Sebaru.
 6. Ikan laut yang disimpan di dalam air batu juga
tidak boleh dimakan.
 7. Lebihan nasi yang dimakan oleh ibu yang di dalam
pantang tidak boleh dibuang ke tanah. Jika
lebihan nasi ini dimakan oleh si suami maka
beliau tidak boleh memakannya dengan lada.
 8. Semua jenis binatang berbulu tidak boleh dihidu
oleh ibu yang di dalam pantang. Oleh itu buruan
yang diperolehi perlu disiang di dalam hutan.
 9. Tidak boleh menghidu asap.

Perubahan dalam adat berpantang khususnya yang perlu dilakukan oleh pasangan suami dan isteri masih diamalkan di kalangan penduduk di Langkap. Manakala di kalangan penduduk si Batu Tiga pantang larang ini menjadi semakin longgar. Didapati ramai di antara isteri dan suami berpendapat pantang larang ini tidak boleh diterusnkan lagi. Alasan yang diberikan ialah disebabkan keadaan hidup hari ini yang tidak mengizinkan mereka terus mengekalkan nilai tradisi ini. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna semua pantang

larang ini terus terhapus. Misalnya pantang larang tidak boleh menghidu asap masih dikekalkan.

Seterusnya perubahan ketara yang berlaku di kedua-dua kampung merujuk kepada tempoh berpantang bagi ibu yang bersalin. Tempoh berpantang ini kini bergantung kepada tempat ibu bersalin. Sekiranya ibu tersebut melahirkan anak di hospital tempoh berpantang lebih pendek antara 7 - 14 hari. Sementara tempoh berpantang di kalangan ibu yang bersalin di kampung mencapai 44 hari. Menurut salah seorang responden di Langkap, tempoh berpantang yang lebih singkat di kalangan ibu yang bersalin di hospital berlaku disebabkan mereka telah diberi rawatan yang sempurna dan bekalan ubat yang mencukupi. Oleh itu badan menjadi lebih sihat dan bertenaga serta tidak perlu mengikuti tempoh pantang yang terlalu lama. Kes ini berlaku di Kampung Langkap bila seoarang wanita telah melahirkan anak di Hospital Besar Kuantan. Selepas tujuh hari berada di hospital, dan beliau dibenarkan pulang. Sekembalinya beliau ke rumah beliau terus melakukan kerja-kerja harian seperti mencuci pakaian, *berhubik*, memasak dan sebagainya seperti biasa.

Perubahan juga boleh dilihat berdasarkan cara penanaman uri ibu bersalin. Amalan yang dilakukan di kedua-dua kampung yang dikaji didapati memperlihatkan perbezaan yang nyata dalam perkara ini.

Di Kampung Langkap uri ibu bersalin masih ditanam mengikut cara tradisi. Ia boleh disempurnakan mengikut tiga cara;

1. Menanam uri di bawah tangga rumah.
2. Memasukan uri ke dalam sumpit atau bakul kecil, diletakan garam, dan digantung pada pokok di dalam hutan.
3. Meletakkan uri ke dalam tunggul kayu berlobang di dalam hutan, dan diletakkan bersama puntung bara api berhampiran dengan tunggul tersebut.

Menurut Pak Angkut iaitu *batin* di Kampung Langkap, mereka biasanya membiarkan uri dalam keadaan terdedah kepada udara dan tidak ditimbus. Tujuannya untuk mengelakan bayi terhindar dari sebarang penyakit yang melibatkan pernafasan seperti penyakit asma. Puntung bara apai pula diletakkan berhampiran dengan uri kerana ia dipercayai dapat menemani uri di waktu malam gelap. Selain dari itu ia juga bleh dijadikan penyuluhan kepada uri jika ia ingin pulang menemui saudaranya di rumah.

Di Kampung Batu Tiga fenomena menggantung dan meletakkan uri ke dalam tunggul tidak dilakukan. Sebaliknya mereka hanya menanam uri tersebut di tempat-tempat yang bersesuaian, seperti di bawah pokok supaya bayi sentiasa selesa.

6.1.2 Perceraian

Perceraian bolch dibahagikan kepada dua jenis, iaitu perceraian sebelum berkahwin atau juga dikenali sebagai putus tunang dan perceraian selepas berkahwin. Menurut hukum adat masyarakat Jakun, perceraian bolch berlaku atas dua sebab. Pertama, disebabkan pergaduhan atau pertengkaran, dan kedua salah scorang dari pasangan bermakna tiga.

Kes perceraian sebelum berkahwin atau putus tunang bolch berlaku sekiranya salah satu daripada pihak merasakan sudah tidak wujud lagi ciri persetujuan. Pihak lelaki atau perempuan mempunyai hak dalam hal ini untuk membuat keputusan. Namun terdapat perbezaan denda yang dikenakan mengikut jantina. Sekiranya pertunangan diputuskan oleh pihak perempuan maka ia perlu memulangkan semula semua barang yang telah dihadiahkan oleh pihak lelaki. Sementara wang hantaran perlu dikembalikan sebanyak dua kali ganda.

Bagi gadis yang bertunang sebelum tempoh cukup teruna ia perlu memulangkan jumlah wang saraan yang diberikan oleh pihak lelaki juga sebanyak dua kali ganda. Wang saraan ini diberikan oleh pihak lelaki secara bulanan antara RM5.00 - RM10.00 sebulan. Wang ini perlu dibayar oleh pihak lelaki dan sekiranya tidak dibayar dalam tempoh lebih dari 3 bulan 6 hari maka pertunangan dianggap putus.

Sekiranya si teruna tidak berhajat untuk memutuskan pertunangan tersebut, maka ia dikehendaki membayar wang saraan tersebut kepada tunangannya sebanyak dua kali ganda dari jumlah yang telah ditetapkan setiap bulan.

Sekiranya pihak lelaki yang ingin memutuskan tali pertunangan denda yang dikenakan lebih ringan jika dibandingkan dengan denda yang dikenakan kepada pihak perempuan. Mereka dibenarkan meminta kembali cincin pertunangan yang telah diberikan kepada pihak perempuan.

Bentuk perceraian yang kedua melibatkan perceraian selepas berkahwin. Perceraian jenis ini berlaku disebabkan pasangan terbabit merasakan mereka tidak lagi mempunyai persefahaman, salah seorang dari pasangan bermain kayu tiga, atau salah seorang daripada mereka meninggal dunia.

Hukum adat telah menetapkan bahawa sekiranya perceraian berlaku disebabkan si isteri bermain kayu tiga, maka denda yang dikenakan sangat berat. Beliau dikehendaki membayar semula wang hantaran sebanyak dua kali ganda serta perlu memulangkan semua barang pemberian bekas suaminya. Beliau juga tidak berhak menuntut harta milik bersama atau harta sepencarian.

Sekiranya perceraian berlaku disebabkan tidak lagi wujud persefahaman di antara kedua belah pihak, maka

masing-masing berhak menuntut hak ke atas harta sepencarian. Sementara suami tetap bertanggungjawab terhadap anak-anak.

Hukum adat membenarkan setiap pasangan yang bercerai merujuk semula. Walau bagaimanapun pasangan tersebut perlu mematuhi beberapa syarat. Bagi lelaki yang ingin berbaik semula dengan bekas isterinya, beliau perlu membayar 'rasuah' atau juga disebut 'wang penebus dosa' kepada pihak isteri. Jumlah 'rasuah' ini antara RM5.00 - RM160.00. Jumlah ini bergantung kepada kemampuan dan persetujuan kedua-dua belah pihak.

Bagi pasangan yang kematian suami atau isteri, perkahwinan semula dibenarkan dengan syarat perlu mendapat persetujuan daripada anak-anak. Walau bagaimanapun perceraian amat tidak digalakan oleh hukum adat, oleh itu hukuman dan denda dikenakan sebagai salah satu dari cara bagi mengelakan masaalah ini menjadi lebih serius.

Di kalangan komuniti kampung yang kecil dan terpisah dari komuniti yang lain kes perceraian jarang berlaku. Keadaan ini berlaku disebabkan kawalan sosial yang ketat dibentuk oleh masyarakat, di samping pergantungan ekonomi seorang isteri begitu tinggi kepada suaminya. Kes ini berlaku di Kampung Langkap, didapati hanya terdapat satu kes perceraian sahaja semasa kajian dilakukan, dan ia

melibatkan seorang lelaki yang kematian isteri.

Di Kampung Batu Tiga keadaannya lain pula, didapati lima kes perceraian berlaku disebabkan pasangan yang berkahwin merasakan mereka sudah tidak sefahaman lagi. Selain dari itu perceraian juga dilaporkan berlaku disebabkan pasangan bermain kayu tiga. Di antara faktor yang mempengaruhi kadar perceraian yang lebih tinggi di sini ialah kestabilan ekonomi. Di dapati pergantungan wanita terhadap lelaki dari segi ekonomi lebih rendah kerana mereka berpeluang untuk bekerja dan menyara keluarga.

6.1.3 Kematian

Umumnya masyarakat Orang Asli amat takut dengan kematian (Evan 1923) disebabkan dua perkara. Pertama, roh orang yang telah mati dipercayai boleh melakukan sesuatu yang jahat. Kedua, tempat-tempat berlakunya kematian telah diduduki oleh semangat sebelum sesuatu kematian berlaku.

Bagi masyarakat Orang Ulu, kematian amat menakutkan atas tiga alasan (Amran 1993). Pertama, mereka takut dengan Hantu Orang Mati, kedua, mereka takut dengan badi orang mati, dan ketiga, kawasan yang berlaku kematian dipercayai berhantu.

Idea tentang kematian sebagai sesuatu yang amat menakutkan telah menyebabkan masyarakat Jakun tradisi berpindah ke kawasan baru apabila kematian berlaku. Jarak perpindahan ke kawasan baru ditentukan oleh Batin antara 7 - 20 batu (Amran 1993).

Di kalangan sesetengah anggota komuniti Jakun dibeberapa buah kampung yang pernah di lawati oleh pengkaji, masih ada yang membakar rumah atau meninggalkan rumah apabila berlaku kematian. Walau bagaimanapun ia terhad kepada rumah-rumah yang bersifat sementara dan di kalangan komuniti kampung yang terpencil sahaja.

Kini adat membakar rumah atau meninggalkan kampung sudah tidak lagi diamalkan. Penghapusan adat ini berlaku disebabkan beberapa faktor. Pertama berdasarkan cara hidup yang lebih menetap disesuaikan dengan menyebabkan bentuk rumah yang didirikan lebih kukuh, selesa, dan boleh didiami untuk jangka masa yang lebih panjang. Di samping itu agak ramai bilangan anggota komuniti ini mendiami rumah-rumah yang didirikan oleh pihak JHEOA. Oleh kerana itu adalah tidak praktikal sekiranya adat ini terus diamalkan.

Untuk itu adat dan upacara telah disesuaikan dengan kehendak masyarakat pada hari ini. Penduduk di Langkap contohnya masih mengamalkan upacara membakar, tetapi ia terhad kepada bahagian lantai rumah sahaja. Bahagian lantai

rumah yang dibakar pula biasanya terdiri dari bahagian yang diperbuat dari buluh yang dijalin dengan rotan. Manakala bahagian lantai yang diperbuat dari papan tidak akan dibakar.

Di samping membakar upacara *berlangir* turut dilakukan ke atas rumah-rumah yang mengalami kematian. *Berlangir* merupakan satu upacara yang dilakukan oleh seorang bomoh untuk menghalau Hantu Orang Mati. Upacara ini dilakukan dengan dengan membakar lima jenis daun dan sejenis akar. Daun-daun tersebut terdiri dari daun Serai, daun *Kesembong*, daun *Cekur*, daun *Bonglai*, dan daun Limau. Sementara akar tersebut terdiri dari akar *Larang*.

Berlangir disempurnakan dengan membakar daun dan akar tersebut pada bahagian bawah rumah orang yang telah berlaku kematian. Bau wangi yang dikeluarkan oleh daun dan akar ini dipercayai dapat menghalang hantu dari menghampiri rumah berkenaan.

Menurut kepercayaan masyarakat Jakun, dunia yang didiami oleh orang hidup dan orang yang telah mati berbeza dan bertentangan³. Ini bermaksud perkara yang baik bagi orang yang masih hidup tidak semestinya baik bagi orang yang telah mati. Contohnya bau wangi bagi orang hidup

³. Kenyataan yang disebut oleh isteri Batin di Kampung Batu Tiga.

bermakna busuk bagi orang yang telah mati. Begitu juga waktu siang bagi orang yang masih hidup bermakna waktu malam bagi orang yang telah mati.

Adat pengurusan mayat orang yang telah mati juga didapati berbeza di kalangan masyarakat Jakun, khususnya mereka yang berkahwin campur. Percampuran adat telah berlaku dalam urusan penyempurnaan mayat. Jika didasarkan ciri-ciri tradisi masyarakat Jakun terdapat lima tahap pengurusan mayat. Bermula dengan *bertunggu*, penyediaan peralatan mengurus mayat, persiapan mengiringi mayat, mengkafankan mayat, dan pengkebumian⁴.

Bertunggu, merupakan proses yang pertama perlu dilakukan oleh anggota keluarga si mati selepas seseorang itu disahkan meninggal dunia. Mayat akan dibaringkan dan ditutupi dengan kain batik dari hujung rambut sehingga sampai ke hujung kaki. Pada masa yang sama anggota keluarga terdekat akan berbincang tentang perkara-perkara seperti waktu mayat akan dikebumikan, tempoh mayat perlu di bawa tidur⁵, dan siapa yang akan dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kelangkapan dan peralatan menguruskan mayat.

⁴. Pengkaji berpeluang menyaksikan upacara kematian dan pengkebumian yang dilakukan oleh masyarakat Jakun di Kampung Batu Tiga. Kebetulan orang yang meninggal tersebut merupakan ibu angkat kepada pengkaji.

⁵. Bermaksud tempoh mayat dibiarkan bermalam untuk tujuan memberi peluang kepada saudara-mara yang jauh datang menziarah.

Bertunggu merujuk kepada proses penjagaan mayat oleh saudara mara terdekat seperti suami, isteri, adik, abang, atau kakak kepada si mati. Mayat perlu di temani dan diawasi sepanjang masa, di samping perlu dipastikan bekas kemeyan sentiasa berasap. Tugas ini dilakukan secara bergilir-gilir sama ada siang atau malam. Tujuan bertunggu dilakukan bagi mengelakan dari sebarang gangguan terutamanya gangguan oleh kucing hitam. Kucing hitam paling ditakuti kerana ia dikatakan mempunyai semangat yang boleh menyebabkan mayat bangun dan hidup semula.

Kedua merupakan proses penyediaan peralatan menguruskan mayat. Kelengkapan terpenting dalam menguruskan mayat ialah air bersih (panas dan sejuk), kain putih, sabun mandi, dan kain pengelap. Kain putih yang disediakan akan dikoyak bahagian tepi kedua-dua belah kiri dan kanan. Kemudian dijahit untuk dijadikan baju dan seluar atau kain sarung, sebiji bantal kekabu, dan dua helai kain penutup mayat untuk diletakan di dalam keranda. Mayat lelaki akan dipakaikan baju dan seluar panjang, dan mayat perempuan akan dipakaikan dengan baju, kain sarung, dan tudung kepala. Cara pengurusan mayat ini hampir sama dengan cara yang dilakukan oleh masyarakat Islam, khususnya penggunaan kain putih, dan pemakaian kain tudung kepala.

Peralatan untuk memandikan mayat terdiri dari air panas dan air sejuk yang dimasukan ke dalam baldi. Kain

pengelap digunakan untuk membersihkan mayat. Kain ini biasanya terdiri dari kain milik peribadi si mati. Sabun mandi digunakan untuk membersih dan menghilangkan segala bentuk kotoran dan bau pada badan si mati. Proses memandikan mayat dilakukan oleh saudara mara terdekat dan sesiapa yang berkeinginan melakukannya serta berani melakukannya. Sesiapa yang ingin memandikan mayat perlu memastikan ia tidak menitiskan air mata ke atas badan mayat. Air mandian pula tidak boleh dibiarkan menitis ke bawah rumah.

Ketiga melibatkan proses penyediaan peralatan mengiringi mayat. Persiapan mengiring mayat biasanya dilakukan oleh golongan wanita, kerana ia melibatkan dua perkara. Pertama kerja-kerja penyediaan makanan dan minuman kepada si mati, dan kedua kerja-kerja penyediaan barang-barang milik peribadi si mati.

Jenis makanan yang disediakan bergantung kepada kemampuan keluarga si mati. Sekiranya keluarga si mati terdiri dari golongan yang berada dan mempunyai kududukan dalam masyarakat maka penyediaan makanannya lebih banyak. Makanan yang disediakan biasanya merupakan makanan kegemaran atau makanan yang dihajati oleh si mati. Antara jenis makanan yang disediakan seperti nasi, ikan goreng dan ikan yang digulai, sayur, kuih muih, biskut, air masak, serta air kopi dan teh. Selain dari makanan, barang-barang

seperti rokok, tembakau, daun pucuk, sireh, pinang, kapur, dan mancis turut disediakan. Kesemua barang-barang ini akan dimasukan ke dalam bekas secara berasingan dan diletakan ke dalam dulang.

Manakala penyediaan peralatan peribadi si mati meliputi pakaian, selimut, tikar, bantal, beg duit, beg pakaian, kasut, selipar, dan lain-lain akan dibungkus dengan menggunakan sehelai kain batik.

Keempat merupakan persiapan mengkafankan mayat. Mayat yang telah siap dimandi atau dilap akan dipakaikan dengan pakaian yang telah dijahit sebelumnya. Bahagian baju yang bertali akan diikat pada bahagian hadapan mayat. Rambut mayat akan diminyak dan disisir rapi serta muka mereka dibedakkan. Jika si mati merupakan seorang perempuan maka kain tudung kepala akan dipakaikan. Kemudian mayat tersebut dimasukan ke dalam keranda yang telah disiapkan terlebih dahulu mengikut ukuran mayat. Setelah itu mayat akan ditutup dengan dua helai kain putih dan akhir sekali penutup keranda diletakan.

Peringkat terakhir melibatkan proses pengkebumian. Proses ini dimulakan dengan membawa keranda dan barang-barang makanan dan barang-barang milik peribadi si mati. Keranda akan dibuka semula apabila sampai di tepi liang perkuburan. Seorang bomoh akan meletakkan beberapa jenis

barang pada kedua-dua belah tangan si mati dan melakukan jampi serapah.

Pada sebelah tangan kiri mayat diletakan sebatang jarum jahit⁶ berukuran dua inci, sebiji telur tembelang, sebiji limau nipis yang dibelah tidak putus, sekeping syiling 50 sen, dan sebatang lilin. Sementara pada tangan kanan mayat disematkan sebatang jarum pada kulit telapak tangan, sebiji telur ayam, sebiji limau nipis, dan sekeping duit syiling 50 sen. Manakala sebatang jarum lagi disematkan pada bahagian tengah dada si mati.

Semasa upacara berlangsung semua barang-barang milik peribadi simati dibakar berhampiran tempat pengkebumian. Adat membakar barang milik peribadi ini dipengaruhi oleh budaya masyarakat Cina. Manakala semua makanan diletakan di tepi kubur dan pelita dinyalakan. Akhir sekali semua yang hadir dimestikan melontar tujuh balingan tanah ke dalam liang sambil mengucapkan selamat jalan .

Kelima-lima proses ini penting dan perlu dilakukan apabila kematian berlaku. Walau bagaimanapun kelima-lima proses ini hanya dilakukan di kalangan mereka yang masih mengamalkan kepercayaan animisme, dan dikalangan mereka

6

Fungsi jarum ini adalah sebagai senjata yang boleh melindungi simati daripada diganggu roh jahat semasa perjalanan menuju ke syurga.

yang tidak berkahwin campur.

Upacara pengkebumian menjadi berbeza sekiranya si mati beragama Kristian atau berdarah campuran khususnya darah campuran Cina-Jakun. Walau bagaimanapun upacara pengkebumian masih dilakukan di kawasan perkuburan yang sama. Oleh itu bukan sesuatu yang pelik sekiranya sesiapa sahaja yang melintasi kawasan perkuburan ini mendapati terdapat berbagai jenis bentuk kubur. Bagi yang beragama Kristian palang salib akan dipacakkan pada bahagian atas kubur. Bagi mereka yang berdarah campuran Cina-Jakun atau masyarakat Cina yang berkahwin dengan masyarakat Jakun kawasan perkuburan mereka akan dibentukan binaan bulat atau separuh bulat. Selain dari itu terdapat juga kubur masyarakat Jakun yang berbentuk seperti kebanyakan kubur masyarakat Islam. Dengan meletakan batu nisan di kedua-dua penjuru kubur dan dipasangkan bumbung di atasnya.

Bagi masyarakat Jakun yang berdarah campuran dan mereka yang telah berkahwin dengan masyarakat Jakun, upacara pengkebumian mereka tidak melalui proses seperti yang disebutkan. Mereka seringkali akan menjemput masyarakat Cina yang tinggal di Bandar Rompin untuk datang membantu menguruskan mayat. Segala proses dan pantang larang yang dilakukan adalah mengikut adat yang dilakukan oleh masyarakat Cina. Misalnya isteri si mati tidak boleh berhias, dan tidak boleh menghadiri majlis atau keramaian.

Barang-barang kesukaan di mati akan dimasukan ke dalam keranda berserta 'duit neraka'. Sementara mayat akan dipakaikan dengan pakaian yang cantik dan disolekkan. Upacara bersembahyang akan dilakukan selepas hari ke 100 dan setiap 15 hari bulan mengikut kalendar Cina.

Bagi mereka yang berkahwin dengan masyarakat India upacara pengkebumian yang dilakukan tidak begitu jelas kerana jumlah mereka amat kecil. Di samping kebanyakan daripada mereka mengadaptasikan budaya masyarakat Jakun dalam kebanyakan upacara.

6.2 Interaksi Sosial

Pola interaksi yang berlaku di dalam masyarakat boleh berlaku dalam dua bentuk. Pertama interaksi dalaman, yang merujuk kepada interaksi di antara kelompok masyarakat. Kedua merujuk kepada interaksi luaran, yang merujuk kepada interaksi kelompok masyarakat dengan masyarakat luaran.

Bentuk interaksi berbeza-beza mengikut saiz komuniti. Interaksi di kalangan anggota komuniti bersaiz kecil lebih kerap dan lebih rapat terutamanya di kalangan saudara mara dan sahabat handai. Keadaan ini dipengaruhi oleh pola pertematan yang membentuk kedudukan rumah-rumah yang berdekatan dan seterusnya menggalakan proses interaksi.

Sementara interaksi di kalangan anggota komuniti yang bersaiz besar menjadi lebih renggang. Keadaan ini dipengaruhi oleh jarak tempat tinggal yang berjauhan, dan interaksi yang lebih kerap sukar dilakukan.

Interaksi sosial di kalangan masyarakat Jakun di Kampung Langkap dan Batu Tiga boleh dibezakan mengikut dua bentuk. Pertama interaksi di antara komuniti kampung atau interaksi dalaman dan kedua interaksi dengan masyarakat luar atau interaksi luaran. Kedua-dua bentuk interaksi ini penting dalam membentuk perhubungan dan perubahan.

Bentuk interaksi dalaman di antara anggota komuniti Jakun di Langkap lebih kerap dan rapat. Fenomena ini dipengaruhi oleh faktor saiz dan kegiatan ekonomi. Dari segi saiz, didapati bilangan anggota komuniti di Langkap yang berjumlah 109 orang berbanding dengan saiz komuniti yang lebih besar di Batu Tiga, dengan jumlah keseluruhan seramai 315 orang. Saiz komuniti yang lebih besar akan membentuk pola pertempatan yang lebih luas dan berselerak, dan ini akan mempengaruhi kekerapan bertemu muka di antara anggota komuniti.

Kegiatan ekonomi dan saiz komuniti turut mempengaruhi kekerapan pola interaksi di kalangan anggota komuniti. Misalnya bagi anggota komuniti di Langkap, pola interaksi dalaman mereka lebih kerap disebabkan jenis pekerjaan yang

dilakukan adalah sama dan bilangan anggota komunitinya kecil. Aktiviti *berbuluh* dan *berotan* yang menglibatkan penyertaan anggota keluarga menggalakan interaksi dalaman. Manakala di kalangan anggota komuniti di Batu Tiga membentuk interaksi luaran yang lebih jelas disebabkan jenis pekerjaan mereka yang melibatkan berbagai kaum dari berbagai tempat. Sama ada pekerjaan mereka sebagai pekerja kilang, pekerja balak, nelayan, dan buruh upah semuanya berpeluang membentuk interaksi dengan masyarakat luar.

Ciri-ciri ketaksamaan sosial kelihatan begitu jelas di kalangan penduduk di Batu Tiga. Antara faktor yang dikenal pasti sebagai penyumbang ke arah ciri-ciri ketaksamaan sosial ialah kegiatan ekonomi. Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk Batu Tiga tidak mengizinkan isteri dan anak-anak turut sama membantu. Dengan ini pembahagian kerja yang jelas di antara lelaki dan perempuan serta kanak-kanak berlaku. Setiap individu di dalam satu unit keluarga mempunyai fungsi dan peranan masing-masing. Keadaan saling bantu membantu dan saling tolong menolong amat terbatas. Fenomena ini tidak berlaku di Langkap, sebaliknya ciri-ciri kesamaan sosial lebih ketara di antara suami dan isteri serta anak-anak. Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh penduduk di Langkap seperti aktiviti menebang buluh dan mencari rotan dilakukan bersama-sama. Keadaan saling bantu membantu dan tolong menolong di antara satu sama lain amat ketara. Misalnya golongan lelaki atau

para suami tidak merasa janggal jika diminta oleh si isteri untuk menjaga anak, jika si isteri ingin melakukan sebarang aktiviti. Si suami juga tidak merasa kekok jika sama-sama membantu si isteri membasuh pakaian di sungai. Keadaan ini jelas memperlihatkan ciri-ciri kesamaan sosial di antara golongan lelaki dan perempuan di Langkap.

Pola interaksi masyarakat Orang Asli dengan masyarakat luar seperti yang telah dijelaskan oleh Hood (1980a) telah melibatkan pelbagai golongan masyarakat. Antaranya kakitangan jabatan, anggota tentera, pengawas hutan, pelancung, dan pengkaji. Selain dari itu masyarakat Orang Asli juga membentuk interaksi dengan masyarakat Melayu dan Cina yang berurusan dalam kegiatan ekonomi. Kedua-dua golongan masyarakat ini telah membentuk pola interaksi semenjak sekian lama. Kesan yang nyata didapati pelbagai bentuk budaya kedua-dua masyarakat ini diserap dan menjadi amalan. Melalui proses akulturasi dan asimilasi pancaran budaya masyarakat luar diterima masuk ke dalam masyarakat ini.

Namun sejauh mana perubahan berlaku di kalangan anggota komuniti Jakun di kedua-dua kampung ini dipengaruhi oleh kekerapan dan keeratan pola interaksi tersebut. Begitu juga halnya dengan paparan budaya yang dihasilkan turut dipengaruhi dengan siapa interaksi dilakukan.

Apa yang jelas didapati pola interaksi sosial dengan masyarakat luar lebih ketara berlaku di kalangan penduduk di Batu Tiga. Manakala bagi penduduk di Langkap pola interaksi luaran berlaku pada tahap minima. Kesannya didapati masyarakat di Langkap masih mengekalkan bentuk-bentuk budaya tradisi dengan lebih jelas. Sedangkan di kalangan penduduk di Batu Tiga pola-pola budaya tradisi mula mengalami perubahan mengikut kesesuaian dengan keadaan. Pola interaksi ini telah membentuk perubahan sosial yang meliputi aspek ekonomi, sosial, dan politik komuniti Jakun.

6.3 Perubahan Sosial

Interaksi sosial membentuk pelbagai pola perubahan sosial di kalangan masyarakat Jakun. Misalnya merujuk kepada perubahan dari aspek pengurusan rumah tangga. Didapati urusan rumah tangga oleh para isteri komuniti Jakun di Batu Tiga jauh lebih teratur, sempurna, dan berjadual. Rutin harian sebagai suri rumah bermula pada awal pagi, mereka perlu bangun untuk menyediakan sarapan pagi kepada suami dan anak-anak yang akan ketempat kerja dan ke sekolah. Sesudah itu mereka akan mengemas rumah dan mencuci pakaian. Menjelang tengahari mereka sibuk menyediakan makan tengahari untuk seisi keluarga.

Rutin ini kelihatan berjadual kerana mereka

dipengaruhi oleh pekerjaan suami masing-masing. Kebanyakan daripada golongan lelaki di Batu Tiga bekerja sebagai pekerja kilang di kilang-kilang berhampiran. Mereka akan pulang makan tengahhari dengan hanya mengayuh basikal. Sementara disebelah petang ada di antara sesetengah dari para isteri yang menyediakan kuih-muih dan minuman untuk hidangan petang. Kuih-muih ini dihasilkan dari resepi yang dipelajari dari rakan-rakan mereka yang terdiri dari masyarakat Melayu atau ditiru dari kuih-muih yang dibeli.

Kedua, merujuk kepada jenis makanan yang dimakan jauh berbeza jika dibandingkan dengan penduduk di Kampung Langkap. Penduduk di Batu Tiga menjadikan nasi sebagai makanan ruji dan dihidangkan bersama lauk, dan sayuran. Sementara bagi penduduk di Langkap masih bergantung kepada ubi kayu sebagai makanan ruji, di samping binatang buruan dan sayuran hutan. Nasi hanya dimakan sekali sekala sahaja di kalangan penduduk Langkap. Sama ada ketika mereka mendapat sumbangan bakul yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan atau ketika mereka mempunyai lebihan duit untuk membeli beras, dan ketika salah seorang dari penduduk kampung mengadakan majlis atau jamuan.

Dari segi waktu makan juga kelihatan berbeza di antara kedua-dua kampung. Waktu minum pagi, makan tengahari, dan makan malam juga berbeza. Bagi penduduk Batu Tiga waktu minum pagi atau sarapan pagi mereka biasanya sebelum pukul

7.30 pagi, pukul 1.00 tengahari untuk makan tengahari, dan 8.30 - 9.00 malam untuk makan malam. Sementara bagi penduduk di Langkap waktu makan mereka tidak menentu, ia bergantung kepada ada atau tiada makanan. Sekiranya mereka mempunyai banyak makanan dan lauk mereka akan makan berulang kali, dan sekiranya mereka kekurangan makanan atau lauk mereka hanya makan satu kali sehari.

Ketiga, dari segi keterbukaan sikap masyarakat Jakun di kedua-dua kampung yang dikaji. Di Batu Tiga keterbukaan sikap para ibu bapa lebih jelas dalam pergaulan dan cara hidup sehari-hari. Anak-anak gadis bebas bergaul dan bertandang kerumah rakan-rakan mereka di sekitar kampung. Mereka juga boleh berbual-bual dengan pemuda-pemuda kampung, tetapi dengan syarat tidak melampaui batas dan tidak di tempat sunyi. Ada juga di antara gadis-gadis ini menjalinkan hubungan cinta dengan teman lelaki melalui surat dan telefon. Tetapi dalam kes hubungan percintaan ini kebanyakannya tidak diketahui oleh para ibu bapa mereka. Selain dari itu anak-anak gadis di Batu Tiga juga bebas ke Bandar Rompin dengan rakan-rakan. Mereka tidak perlu lagi ditemui oleh ibu bapa atau saudara lelaki untuk ke bandar.

Sementara di kalangan komuniti Jakun di Langkap, didapati kebebasan anak gadis masih terbatas. Misalnya mereka tidak dibenarkan bergaul secara bebas dengan para pemuda. Di samping itu juga mereka tidak bebas ke bandar

sesuka hati. Jika ada anak gadis yang ingin ke bandar mereka perlu ditemani oleh ibu bapa atau saudara mara. Kebiasanya masyarakat di Langkap akan berjalan dalam bentuk berkumpulan jika mereka ke bandar.

6.3.0 Perubahan Ekonomi

Pengaruh perkembangan sistem ekonomi pasaran telah memperlihatkan bentuk-bentuk baru dalam masyarakat Orang Asli. Penglibatan mereka di dalam kegiatan ekonomi pasaran bukan merupakan satu perkara baru. Secara relatif penglibatan masyarakat Orang Asli dalam aktiviti perdagangan sebagai pengeluar hasil-hasil hutan untuk dipasarkan ke negara-negara seperti Cina, India, Timur Tengah, dan Eropah telah bermula semenjak kurun Masihi yang pertama lagi (*cf.* Gomes 1986). Bukti ini memberikan satu gambaran penting berhubung dengan penglibatan masyarakat Orang Asli yang sudah begitu lama dengan kegiatan sistem ekonomi pasaran. Walau bagaimanapun sistem ekonomi sara diri mereka tidak dimusnahkan secara menyeluruh. Sebaliknya sistem ekonomi sara diri ini telah digabungkan dengan sistem ekonomi pasaran. Kedua-dua bentuk sistem ini dipertahankan kerana ianya saling melengkapi. Misalannya kegiatan ekonomi sara diri terus dilakukan bagi tujuan menghasilkan keperluan bekalan makanan sementara kegiatan ekonomi pasaran diperlukan bagi membeli keperluan barang yang tidak dapat dihasilkan sendiri.

Sebelum sistem ekonomi wang diperkenalkan di kalangan masyarakat Jakun, mereka mengamalkan sistem ekonomi pertukaran. Pembentukan sistem ekonomi pertukaran begitu giat dijalankan sehingga lewat Zaman Pemerintahan Jepun. Memandangkan semasa Zaman Pemerintahan Jepun sumber makanan begitu sukar didapati terutamanya beras, maka ubi kayu yang banyak ditanam oleh masyarakat Jakun telah dijadikan makanan gantian. Ubi kayu yang menjadi sumber makanan ruji masyarakat Jakun di samping padi huma telah mendapat permintaan yang tinggi terutamanya dari masyarakat Melayu. Selain dari itu keledek, keladi, pisang, tebu, jagong, dan asam kelubi juga menjadi bahan pertukaran bagi mendapatkan garam, tembakau, ikan kering dan lain-lain keperluan pada masa itu.

Melalui sistem pertukaran ini tidak ada sistem timbangan khas digunakan bagi mengira jumlah atau nilai barang. Ia bergantung kepada keupayaan penukar untuk membawa pulang barang yang ditukarkan. Misalnya sekiranya pertukaran dilakukan di antara sejumlah ikan dengan ubi kayu dilakukan, maka jumlah ubi kayu yang diberikan adalah mengikut berapa banyak yang sanggup dibawa oleh penukar tersebut. Sekiranya ia mempunyai tenaga yang kuat maka lebih banyak ubi kayu yang dapat dibawa pulang.

Semasa Zaman Pemerintahan British masyarakat Orang Asli mula terlibat dengan pekerjaan sebagai 'pemandu'

kepada tentera British. Masyarakat Jakun juga turut terlibat dengan pekerjaan ini dan mereka ditugaskan untuk menjelakki anggota komunis yang beroperasi di dalam hutan sekitar Daerah Endau-Rompin. Pada ketika ini masyarakat Jakun telah diperkenalkan dengan kegiatan ekonomi yang berorientasikan wang, melalui upah yang diterima. Upah yang diterima sebagai seorang pemandu ialah sebanyak 75 sen sehari berdasarkan nilai wang pada masa tersebut⁶.

Menjelang tajun 60an masyarakat Orang Asli di sekitar Daerah Rompin berpeluang bekerja dengan syarikat ROMPINCO yang beroperasi melombong bijih besi. Syarikat ini menawarkan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan agak lumayan kepada penduduk sekitar Daerah Rompin.

Kemunculan tahun-tahun 80an dan 90an memperlihatkan kewujudan berbagai-bagai peluang pekerjaan yang tidak lagi terikat dengan hasil-hasil hutan. Masyarakat Jakun sekitar Daerah Rompin telah mula mengorak langkah dengan menceburι peluang-peluang pekerjaan yang wujud di kilang-kilang berhampiran. Antaranya kilang baja, kilang kayu, kilang belut, dan kilang rotan yang menawarkan gaji tetap secara bulanan. Selain dari itu penduduk Orang Asli sekitar Daerah Rompin juga berpeluang memperolehi pendapatan sampingan melalui pekerjaan sambilan sebagai buruh bermusim (sila

⁶. Jumlah ini berdasarkan kenyataan yang disebut oleh Batin Yasa (Batin Kampung Batu Tiga) yang pernah menjadi pemandu kepada tentera British.

rujuk Bab Tiga).

Kewujudan peluang-peluang pekerjaan hasil dari pembangunan dan perkembangan ekonomi yang pesat melanda ke seluruh pelusuk negara, turut mempengaruhi masyarakat Jakun. Kini sebahagian besar daripada golongan belia Jakun di Daerah Rompin telah berhijrah ke bandar-bandar besar seluruh negara seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, dan juga ke Singapura untuk mendapatkan pekerjaan.

Golongan belia di Kampung Batu Tiga juga tidak ketinggalan untuk berhijrah. Mereka yang datang ke Kuala Lumpur, ada bekerja sebagai operator pengeluaran, dan ada yang bekerja sebagai pelayan di restoran-restoran seperti di Kelana Sea Food, Subang. Sementara di Johor Bahru tumpuan pekerjaan di dalam sektor perindustrian, dan sebagai pekerja di restoran-restoran milik taukeh Cina. Manakala belia yang berhijrah ke Singapura kebanyakannya melibatkan diri dalam bidang pembinaan sebagai buruh binaan.

Perubahan struktur pekerjaan di kalangan masyarakat Jakun bukan sekadar berupaya meningkatkan taraf sosio ekonomi, malah ia berpeluang memberi ruang kepada mereka berinteraksi dengan anggota masyarakat lain dengan lebih luas. Hasil dari interaksi ini akhirnya telah meninggalkan kesan perubahan kepada individu terbabit. Perubahan yang

berlaku misalnya dari segi perhubungan, sikap, cara berfikir, cara berpakaian, dan penerimaan mereka terhadap masyarakat lain juga masyarakat Melayu khususnya. Nilai dan norma baru dibentuk di bandar dan seterusnya akan dibawa pulang dan disebarluaskan di kampung, seterusnya proses perubahan akan berterusan.

Antara sebab kenapa berlakunya perubahan sikap ibu bapa yang memberi kebenaran dan sedikit kebebasan kepada anak-anak dipengaruhi oleh faktor ekonomi. Anak-anak gadis di Batu Tiga berpeluang memperolehi pendapatan sendiri dengan bekerja di kilang-kilang atau menjadi buruh bermusim.

Keupayaan mereka memperolehi pendapatan sendiri memberi peluang kepada mereka membeli barang-barang keperluan sendiri, di samping membantu ibu bapa mereka. Gadis-gadis di Batu Tiga bebas ke Bandar Rompin terutamanya pada hari minggu untuk berbelanja di pasar minggu atau juga dikenali sebagai *lelong* atau *lambak*. Jenis-jenis barang yang dibeli termasuk barang-barang untuk kegunaan peribadi seperti baju, seluar, klip rambut, getah rambut, minyak wangi, bedak, dan alat solek yang lain. Selain dari itu mereka juga membeli barang-barang untuk hiasan rumah seperti bunga-bunga plastik, kain langsir, dan pasu bunga. Mereka juga tidak lupa membeli buah tangan untuk ibu bapa dan keluarga di rumah.

Ada juga di antara anak-anak gadis di Batu Tiga mengunjungi klinik swasta apabila mereka sakit dan bertujuan untuk mendapatkan sijil sakit.

Peluang memperolehi sumber pendapatan sendiri turut mempengaruhi fesyen pakaian anak-anak muda dan gadis. Didapati anak muda dan anak gadis turut terpengaruh dengan perkembangan fesyen semasa. Perkembangan fesyen ini dipengaruhi oleh media cetak dan media elektronik, seperti majalah, dan televisyen. Pakaian harian anak gadis di rumah tidak lagi terhad kepada kain batik dan baju T sahaja, malah kini mereka biasa memakian seluar pendek, seluar panjang atau berskirt, dan memakai *blouse*. Selain dari fesyen pakaian, fesyen rambut juga turut mengikuti perkembangan semasa. Ada di antara anak gadis yang mengerintingkan rambut mengikut penyanyi pujaan yang dilihat melalui majalah atau televisyen.

Seperti yang dijelaskan bahawa perubahan-perubahan ini lebih ketara di kalangan komuniti Jakun di Batu Tiga berbanding dengan di Langkap. Walau bagaimanapun didapati anak-anak muda di Langkap juga turut terpengaruh dengan fesyen rambut dan fesyen pakaian ala penyanyi *rock*. Fesyen ini menjadi ikut-ikutan mereka melalui majalah yang dibeli. Manakala bagi anak gadis kebebasan mereka amat terbatas, dan mereka tidak berpeluang untuk ke bandar. Keterbatasan ini dipengaruhi oleh faktor ekonomi, disamping kedudukan

kampung yang jauh dari bandar, ketiadaan kemudahan sistem pengangkutan, dan peringkat umur berkahwin yang terlalu muda.

6.3.1 Perubahan Kepercayaan Dan Agama

Walaupun pengaruh kepercayaan animisme begitu kuat mempengaruhi kehidupan masyarakat Jakun, namun kesan dari perkembangan dan perluasan lingkungan perhubungan dengan kumpulan etnik lain menyebabkan berlaku perubahan dalam unsur-unsur kepercayaan. Pengaruh agama besar seperti Islam, Kristian, Buddha, dan juga agama lain seperti Bahai mula menular di kalangan mereka.

Berdasarkan banci yang dilakukan oleh JHEOA pada tahun 1979 telah mendapati seramai 2 621 orang Asli telah memeluk agama Islam. 1,500 memeluk agama Kristian, 1,895 menjadi pengikut Bahai, dan 87 orang menganut agama lain-lain (Ketua Pengarah JPM 1979, lihat juga Amran Kasimin 1993).

Menurut laporan yang dihasilkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Penerangan JHEOA cawangan Pahang Darul Makmur, sehingga tahun 1993 terdapat seramai 31 638 Orang Asli di seluruh Negeri Pahang. Daripada jumlah ini 1 918 orang atau 458 keluarga telah memeluk agama Islam. Sementara 1 145 orang atau 229 keluarga Orang Asli beragama Kristian.

Pertambahan bilangan Orang Asli yang menganut agama lain memperlihatkan bahawa telah berlaku perubahan dari segi kepercayaan. Walaupun perubahan ini tidak melibatkan seluruh corak kepercayaan, tetapi dalam banyak hal unsur-unsur animisme masih menjadi amalan. Agama baru telah disesuaikan dengan unsur-unsur animisme yang telah sebatik dalam hidup mereka.

Pengaruh unsur-unsur Islam boleh dilihat dalam banyak perkara. Antaranya dalam jampi serapah yang dilakukan ketika berbomoh, unsur-unsur keislaman boleh dilihat dengan penggunaan perkataan seperti assalamualaikum, Allah, Malaikat, Allahuhyarham, dan bismillah. Menerusi perbualan harian juga memperlihatkan unsur-unsur Islam digunakan seperti Allahuhyarham Batin Deraman (bekas *Batin Batu Tiga*), Tuhan Allah, Insya Allah, alhamdulillah, syukur, dan lain-lain. Sementara konsep waktu mengikut Islam seperti waktu magrib, dan waktu subuh sering digunakan.

Unsur-unsur atau ciri-ciri keislaman yang diterap oleh masyarakat Jakun di Batu Tiga berlaku hasil interaksi dengan masyarakat Melayu Islam di kawasan sekitar Daerah Rompin. Di samping masyarakat Jakun yang memeluk agama Islam di kampung ini.

Selain dari agama Islam yang menjadi agama anutan masyarakat Jakun, peranan dan pengaruh agama Kristian juga

kian meluas di kalangan penduduk Batu Tiga. Pengenalan agama Kristian di kalangan penduduk Batu Tiga bermula apabila penduduk setempat mendengar kababar angin tentang sebuah surau akan didirikan di kampung mereka. Rata-rata penduduk kampung tidak bersetuju dengan pembinaan surau ini, kerana mereka bimbang akan dipaksa memeluk agama Islam. Kesempatan ini digunakan sepenuhnya oleh pengembang agama Kristian untuk menyebarkan agama Kristian di Batu Tiga. Seorang paderi Kristian yang didatangkan khas dari Seremban dikatakan menjadi pengasas agama Kristian di Batu Tiga.

Pusat gerakan dan majlis perjumpaan kegiatan ini dijalankan di rumah salah seorang penduduk kampung bersebelahan dengan bangunan Dewan Serbaguna yang menempatkan surau di bahagian atas. Majlis perjumpaan dengan penduduk kampung diadakan sebulan sekali, dan pada hari perjumpaan tersebut kebanyakan dari penduduk kampung akan bercuti.

Berbagai aktiviti dilakukan pada majlis perjumpaan seperti makan tengahari, sembahyang, menyanyi dengan iringan petikan gitar, ceramah, pembahagian pakian, dan barang-barang makanan seperti susu, biskut, minuman, mee, meehon, dan lain-lain. Aktiviti ini berjaya menarik minat penduduk kampung dan setiap kali majlis perjumpaan diadakan tidak kurang dari 50 - 80 orang penduduk kampung

menghadirinya. Perjumpaan ini bukan sekadar dihadiri oleh penduduk tempatan malah mereka yang datang dari kampung-kampung lain seperti Kampung Batu Lapan. Ianya bermula dari pukul 11.00 pagi, dan berakhir pada pukul 6.00 petang.

Di kalangan penduduk Batu Tiga, paderi atau lebih dikenali dengan panggilan *pade* yang berasal dari perkataan Inggeris *father* amat dihormati. Beliau berupaya menarik perhatian penduduk Batu Tiga menerusi keberkesanan pendekatannya yang berbentuk mementingkan kebajikan. Aspek pendekatan penjagaan kebajikan Orang Asli yang memerlukan bantuan diberi keutamaan. Bentuk bantuan bukan sekadar memberi makanan dan pakaian, malah melibatkan bantuan kewangan untuk menyalurkan bekalan elektrik, membaik pulih rumah-rumah yang daif, dan pemberian hadiah-hadian kepada mereka yang melahirkan anak. Keberkesanan pendekatan telah berjaya menembusi benteng pemisah kepercayaan animisme penduduk Batu Tiga kepada satu bentuk agama baru.

Jelasnya pengaruh perkembangan agama Kristian telah menular di kalangan penduduk Batu Tiga sebelum terdirinya bangunan Dewan Serbaguna yang menempatkan surau (bangunan ini siap dibina pada Mac 1993). Agama Kristian lebih mendapat perhatian disebabkan penggunaan pendekatan yang berkesan.

Penolakan masyarakat Orang Asli terhadap agama Islam

begitu jelas. Penolakan agama Islam oleh masyarakat Orang Asli dipengaruhi oleh faktor sekatan dan larangan memakan berbagai jenias binatang hutan seperti babi, monyet, tupai, ular, biawak, dan lain-lain. Jika mereka memeluk Islam mereka kuatir akan mati kelaparan kerana binatang-binatang tersebut menjadi sumber makanan utama mereka. Selaian dari itu mereka juga merasakan amalan yang perlu dilakukan oleh seorang Islam amat susah, misalnya mereka perlu sembahyang lima waktu sehari semalam, perlu bersunat, perlu berpuasa dan sebagainya.

Seperkara lagi yang boleh dilihat kenapa masyarakat Orang Asli menolak Islam ialah berhubung dengan identiti etnik masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli menolak Islam disebabkan sebahagian besar daripada masyarakat Islam terdiri daripada Orang Melayu. Lantaran itu mereka mempunyai tanggapan bahawa dengan memeluk Islam bermakna mereka menjadi Melayu. Oleh itu apabila mereka diMelayukan, bermakna identiti etnik mereka sebagai Orang Asli akan hilang. Dengan hilangnya identiti etnik bermakna mereka tidak mempunyai harga diri dan akan dipandang rendah oleh anggota kumpulan yang lain.

6.3.2 Perubahan Sistem Pentadbiran Kampung

Jika disingkap kepada sejarah Orang Asli terdapat dua senario berhubung dengan institusi kepimpinan *batin* atau

penghulu Orang Asli. Senario pertama merujuk kepada realiti kepimpinan yang berasaskan kesamarataan di kalangan anggota seperti yang diamalkan oleh masyarakat Temiar dan Semai. Senario kedua pula memperlihatkan realiti kepimpinan yang lebih bercirikan stratifikasi seperti yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli dari golongan Melayu Asli.

Berdasarkan kenyataan di atas didapati institusi kepimpinan yang menjadi amalan di kalangan komuniti Orang Asli dari kumpulan Melayu Asli lebih komplek dan mementingkan hiraki. Kenyataan ini didasarkan kepada ciri-ciri kepimpinan tradisi komuniti ini berasaskan kepada struktur hiraki kuasa yang begitu jelas. *Batin* menduduki tempat yang teratas dalam hiraki ini, dan ia dibantu oleh *Jenang, Jekerah, Mangku, dan Penglima* (Meada 1971, Baharon 1973).

Di kalangan masyarakat Orang Ulu menurut Meada (1971) mereka mempercayai bahawa asal usul *batin* dikatakan mempunyai hubungan dengan Puteri Benua. Menurut mitos ini lagi Puteri Benua merupakan adik kepada sultan. Pada suatu hari baginda telah memasuki kawasan hutan, dan semasa di dalam hutan baginda telah mengambil seorang anak angkat lelaki yang berketurunan Orang Ulu. Anak angkat ini akhirnya telah dijadikan suami oleh Puteri Benua, dan Puteri Benua ini telah menetap di dalam hutan dan menjadi pemerintah. Apabila beliau meninggal dunia pemerintahan

tersebut diwarisi oleh anak-anak hasil daripada perkahwinan beliau dengan Orang Ulu. Anak-anak tersebut dikatakan membentuk keturunan *batin* yang bertindak sebagai ketua di kalangan komuniti ini.

Walaupun cerita di atas sekadar mitos namun kita dapat melihat bagaimana martabat seorang *batin* begitu tinggi di kalangan komuniti ini. Pemilihan seseorang *batin* bukan dari sebarang orang, malahan mereka perlu mempunyai ciri-ciri khusus dan mempunyai fungsi dan peranan tersendiri.

Berdasarkan masyarakat tradisi fungsi dan peranan yang dimainkan oleh seorang *batin* dalam hiraki kepimpinan begitu jelas, beliau bertindak sebagai ibu adat. Sementara *Jenang* berfungsi sebagai ketua dalam upacara rasmi tradisional di samping menjadi mata dan telinga kepada masyarakat. *Jenang* juga perlu memastikan adat dan tradisi tidak ditinggalkan. Jawatan yang ketiga disandang oleh *Jekerah* yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mengatur urusan seharian yang perlu dialakukan oleh anggota komuniti. Akhir sekali jawatan *Penglima* yang bertindak sebagai ketua kumpulan kerja (Baharon 1973).

Pemilihan seseorang *batin* dalam masyarakat tradisi pada kebiasaannya melalui pewarisan kepada anak lelaki sulung dalam keluarga *batin*. Namun ciri-ciri kepimpinan dan beberapa kriteria khusus perlu dimiliki oleh seseorang

batin bagi memastikan institusi ini meneruskan kelangsungannya. Empat kriteria yang perlu ada pada seseorang *batin* menurut Meada (1971).

- i. Mempunyai hubungan darah dengan bekas *batin*.
- ii. Berumur dan berkahwin tetapi tidak terlalu tua dan masih bertenaga.
- iii. Boleh berkomunikasi dengan baik di samping berkeupayaan mengubati orang sakit.
- iv. Lebih kaya dari anggota komuniti yang lain.

Kini institusi kepimpinan di kalangan Orang Asli turut mengalami perubahan. Walaupun institusi ini masih dapat bertahan namun sebahagian daripada ciri-ciri tradisinya telah mengalami perubahan.

Jawatan *batin* kini tidak semestinya diwarisi daripada bapa kepada anak lelaki sulung. Sebaliknya ia boleh ditentukan oleh penduduk kampung sekiranya corak pentadbiran seseorang *batin* tidak disukai oleh anak buahnya. Walau bagaimanapun perlantikan seseorang *batin* perlu mendapat pengiktirafan oleh JHEOA. Seseorang *batin* yang terpilih dan disahkan jawatan akan diperakui melalui sijil pengesahan jawatan.

Keupayaan dan kebolehan seseorang *batin* kini diukur

melalui taraf pendidikan yang diterima, kedudukan ekonominya, dan keupayaan berurusan dengan agensi luar termasuk JHEOA. Dengan lain perkataan seseorang *batin* akan bertindak sebagai *intermediari* di antara Orang Asli dan pihak kerajaan (Williams-Hunt 1994).

Perbezaan yang paling ketara di antara *batin* tradisi dan *batin* sekarang ialah dari segi ganjaran elaun yang diberi. *Batin* yang sah dan diiktiraf jawatannya dianggap sebagai kakitangan awam, dan mereka layak menerima elaun tahunan mengikut tiga kategori kampung yang telah ditetapkan, sama ada kategori A, B, atau C. Kampung yang dikategorikan sebagai kampung A ialah kampung yang mempunyai penduduk lebih dari 1000 orang penduduk. Sementara kampung yang dikategorikan sebagai kampung B perlu memiliki jumlah penduduk sekurang-kurangnya 700 orang penduduk. Akhir sekali kampung yang dikategorikan sebagai kampung C perlu memiliki jumlah penduduk sekurang-kurangnya 300 orang penduduk.

Masalah yang timbul di sini ialah terdapat banyak kampung-kampung Orang Asli mempunyai jumlah penduduk yang kecil bilangannya seperti kes di Kampung Langkap. Jika didasarkan kepada pentadbiran secara formal Kampung Langkap tidak layak mempunyai seorang *batin*. Oleh itu untuk mengatasi masalah ini pihak JHEOA telah mengklasifikasikan beberapa buah kampung yang berhampiran dan seorang *batin*

formal akan dilantik. Penentuan ini akan dilakukan oleh pihak JHEOA sendiri. Dalam kes ini Kampung Langkap berada di bawah pentadbiran *Batin* Jenal yang berasal dari Kampung Tanah Runtuh atau juga dikenali dengan nama Kampung Jubau. Beliau merupakan *batin* yang diiktiraf oleh JHEOA, dan mendapat intensif seperti sebuah rumah *batin* yang dibina di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Di samping itu beliau juga turut mendapat elaun tahunan yang berjumlah RM800.00 setahun.

Berdasarkan fungsi yang tertulis, *Batin* Jenal mempunyai kuasa untuk menjaga dan mengawasi kampung-kampung yang berada di bawah pentadbirannya. Namun disebabkan kedudukan kedua-dua kampung ini berjauhan dan beliau tidak mempunyai sebarang kenderaan, maka fungsi dan peranan yang sepatutnya dijalankan tidak terlaksana.

Dipihak penduduk Kampung Langkap pula mereka tidak mengiktiraf *Batin* Jenal sebagai *batin* mereka. *Batin* Jenal didapati pernah mengunjungi kampung mereka hanya sekali. Penduduk Langkap juga merasakan adalah tidak munasabah bagi mereka untuk meniktiraf *Batin* Jenal sebagai ketua mereka sedangkan mereka mempunyai ketua sendiri. Tidak perlu bagi mereka mengiktiraf orang lain yang tidak tinggal bersama tetapi mempunyai kuasa ke atas mereka.

Penduduk Kampung Langkap mempunyai *batin* mereka

sendiri yang lebih dikenali dengan *Batin* Angkut. Pemilihan beliau adalah atas persetujuan penduduk kampung, setelah *batin* yang terdahulu meninggal dunia dan anak beliau menolak jawatan tersebut. Walaupun *batin* ini tidak mewarisi jawatannya secara tradisi, tidak mendapat pengiktirafan oleh pihak JHEOA, tidak mendapat sebarang elaun, dan tidak mendapat peruntukan rumah *batin* di bawah program PPRT, namun fungsi dan peranan beliau kelihatan dalam perkara-perkara seperti adat dan upacara, mengubati orang sakit, penasihat, orang perantara dengan masyarakat luar, pemutus dalam membuat keputusan.

Institusi kepimpinan di Kampung Batu Tiga agak berbeza dengan apa yang berlaku di Kampung Langkap. Perlantikan *batin* pada mulanya melalui pewarisan, tetapi malangnya calon yang sepatutnya mewarisi jawatan *batin* ini menolak atas alasan beliau masih terlalu muda dan belum bersedia menjadi seorang ketua. Oleh itu penduduk kampung telah mengadakan mesyuarat dan menetapkan calon yang difikirkan layak berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Dua orang calon telah berjaya dipilih, dan setelah itu undian diadakan dan seluruh penduduk kampung dikehendaki memilih calon masing-masing. Akhirnya *Batin* Yasa telah dipilih sebagai ketua bagi penduduk Batu Tiga. Kriteria yang menjadikan beliau calon pilihan ialah disebabkan usia beliau yang lebih tua dan dianggap lebih berpengalaman. Beliau juga pernah bekerja dengan ROMPINCO, dan juga pernah

bertugas sebagai *guide* kepada Inggeris semasa zaman Darurat. Selain dari itu beliau juga mempunyai kebolehan mengubati orang sakit dan bertindak sebagai bomoh di kampung ini.

Pemilihan *Batin Yasa* diajukan kepada JHEOA dan beliau mendapat persetujuan dari pihak berkenaan. Beliau telah disahkan jawatan dan mendapat sijil pengesahan. Melalui pengesahan ini beliau layak menerima insentif yang yang ditawarkan oleh jabatan. Elaun yang diterima berjumlah RM800.00 setahun dan kampung beliau dikategorikan sebagai kampung C. Di samping itu beliau turut mendapat bantuan rumah di bawah program PPRT. *Batin Yasa* dibantu oleh seorang *Jukerah* yang membantu beliau dalam urusan surat mensyurat dan urusan yang berkaitan dengan agensi-agensi terlibat.

Di samping itu pentadbiran di Kampung Batu Tiga turut dibantu oleh seorang Penggerak Masyarakat yang dilantik khas. Penggerak Masyarakat ini dilantik oleh Jabatan Perdana Menteri dan dengan pengawasan oleh pihak JHEOA. Tujuan utama Penggerak Masyarakat ini ditempatkan di kampung-kampung Orang Asli ialah untuk menggerakkan komuniti ini kearah kemajuan dengan pelbagai program-program pembangunan yang dibentuk.

Tugas dan tanggungjawab utama Penggerak Masyarakat

meliputi aspek-aspek bagi tujuan mempertingkatkan penghayatan kehidupan secara Islam di kalangan Orang Asli di lokasi mereka ditempatkan. Selain dari itu Penggerak Masyarakat juga bertanggungjawab terhadap pembangunan insaniah yang meliputi perkara-perkara berikut;

- i. Merancang dan menyelaras aktiviti kebajikan dan rohaniah di perkampungan Orang Asli.
- ii. Merancang dan mengadakan kelas-kelas sosial bagi keluaraga Orang Asli dalam usaha memupuk perpaduan dan pengintegrasian dengan masyarakat Melayu.
- iii. Merancang dan mengatur program-program yang sesuai di perkampungan Orang Asli bagi menarik minat mereka kepada pembangunan insan.
- iv. Merancang kerja-kerja amal dan program-program kebajikan di perkampungan Orang Asli.
- v. Membantu masyarakat Orang Asli mengatasi masaalah seperti pendidikan, persekolahan anak-anak, penyediaan bekalan barang-barang makanan, penjualan hasil-hasil kampung, dan seumpamanya.
- vi. Mengawasi dan mengesan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.
- vii. Menjalinkan hubungan yang erat dengan agensi-agensi yang mempunyai hubungan dengan Orang Asli.

Penggerak ini telah ditempatkan di kawasan

perkampungan Orang Asli supaya dapat membentuk hubungan erat dengan penduduk kampung. Beliau disediakan sebuah rumah yang dibina khas berhampiran dengan Dewan Serbaguna. Tugas beliau tidak mengira masa dan perlu melibatkan diri dalam semua aktiviti kemasyarakatan di kampung berkenaan.

Sehingga tahun 1994 seramai 306 orang Penggerak Masyarakat telah diluluskan perlantikan untuk ditempatkan di perkampungan Orang Asli di seluruh negara. Namun sehingga kini hanya 65 orang penggerak sahaja ditempatkan di perkampungan Orang Asli. Sementara itu bagi Daerah Rompin hanya terdapat 4 Orang Penggerak Masyarakat yang menjalankan tugas. Mereka ini ditempatkan di Kampung Batu Tiga, Kampung Batu Lapan, Kampung Bukit Serdang, dan di RPS Bukit Serok (Hasry Mohd Yusof 1994).

Struktur pentadbiran yang berbeza di antara Langkap dan Batu Tiga memperlihatkan perbezaan pengaruh kuasa seorang *batin*. Seorang *batin* yang dilantik dan mendapat tauliah, tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh jabatan. Syed Husin Ali (1977) pernah menjelaskan bahawa seorang ketua yang dilantik oleh kerajaan dan mendapat tauliah akan bertindak mengikut arahan dari atas. Mereka turut diserap ke dalam sistem pentadbiran kerajaan dan menjadi 'orang kerajaan'.

Berbeza dengan *batin* yang dilantik oleh penduduk

kampung dan tidak menerima sebarang pengiktirafan, seperti kes yang berlaku di Langkap. Didapati *batin* di Langkap lebih bebas menjalankan fungsi dan peranan sebagai seorang ketua. Dengan erti kata lain beliau tidak tertakluk dengan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh jabatan. Sebarang keputusan yang dibuat tidak perlu dirujukan kepada jabatan.

Selain dari segi struktur pentadbiran yang mengalami perubahan dan dibantu oleh Penggerak Masyarakat, penduduk di Batu Tiga turut melibatkan diri dalam berbagai kegiatan berpolitik dan berpersatuan. Ada di antara penduduk yang menjadi ahli UMNO dan Semangat 46. Selain dari itu penyertaan masyarakat Jakun di Batu Tiga dalam kegiatan berpersatuan dan pertubuhan sukarela juga jelas kelihatan. Antaranya seperti POSAM, persatuan Belia, JKKK, dan RELA. Penglibatan dan penyertaan masyarakat Jakun di Batu Tiga bukan sekadar menjadi ahli sahaja malah ada di antara mereka yang menjadi setiausaha kepada POSAM Daerah Rompin.

6.3.3 Perubahan Pola Pertempatan

Masyarakat Jakun pada hari ini hidup secara lebih menetap, dan kehidupan secara normadik telah ditinggalkan. Pola penempatan kekal yang diamalkan kini dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan diperkuuhkan lagi oleh kemudahan rumah-rumah yang dibina oleh pihak jabatan.

Walau bagaimanapun pengekalan sesuatu komuniti di sesuatu kawasan bukan bersifat selama-lamanya. Perpindahan masih berlaku sekiranya dirasakan perlu, tetapi tidak sekerap yang dilakukan oleh mereka yang hidup secara normadik. Perpindahan mungkin dilakukan atas sebab kesesuaian dan keserasian, dan faktor kemudahan perhubungan dengan masyarakat luar.

Walaupun didapati kedua-dua kampung yang dikaji mengamalkan pola pertempatan secara menetap. Namun dalam kes ini penduduk di Kampung Langkap masih melakukan perpindahan disebabkan faktor keserasian dan kemudahan perhubungan. 10 tahun lalu penduduk Langkap membentuk perkampungan mereka lebih jauh ke dalam hutan. Disebabkan faktor kesukaran untuk keluar masuk terutamanya apabila berlakunya kes kecemasan seperti penghantaran isteri bersalin ke hospital menjadi masaalah, maka mereka telah sepakat untuk berpindah ke kawasan sekarang.

Struktur dan bentuk rumah dikedua-dua kampung masih memperlihatkan perbezaan yang nyata. Struktur dan bentuk rumah penduduk di Kampung Langkap masih kekal dengan ciri-ciri tradisinya. Di mana sumber semula jadi dari hutan yang terdapat di sekitar perkampungan telah digunakan. Struktur asas rumah dibina dengan menggunakan sejenis kayu yang dikenali sebagai *batang pengawan* dibuat dinding (dari kulitnya) dan tiang (dari batangnya). Bahagian bumbung

rumah diperbuat dari pelbagai jenis daun seperti *daun serdang*, *daun bertam*, dan *daun kipas*. Sementara buluh yang banyak terdapat dijadikan lantai rumah, dan rotan berfungsi sebagai pengikat bahagian-bahagian tertentu. Walaupun penggunaan bahan-bahan seperti paku, papan, dan zink digunakan tetapi penggunaannya tidak meluas. Hanya sebilangan kecil penduduk sahaja yang menggunakan bahan ini untuk membuat rumah.

Bentuk rumah penduduk di Langkap lelihatan lebih ringkas, dengan terdapat dua ruang tanpa pemisah. Pertama ruang hadapan yang berfungsi untuk pelbagai guna, dan kedua ruang dapur untuk tujuan masak memasak. Kedua-dua ruang ini dibezakan melalui saiz dan ketinggian. Ruang hadapan mempunyai saiz yang lebih besar dan berada lebih tinggi, sementara ruang dapur lebih kecil dan kedudukannya lebih rendah.

Kelengkapan dan peralatan yang terdapat di dalam rumah-rumah penduduk di Langkap juga terbatas. Ruang tidur mereka tidak dilengkapi dengan katil dan tilam, malah disesetengah rumah mereka tidak mempunyai bantal. Selimut kebanyakannya menjadi milik pasangan suami isteri, dan anak-anak hanya menggunakan kain batik lusuh sebagai selimut.

Di Batu Tiga keadaannya lain pula, kebanyakan rumah

kelihatan jauh lebih kemas dan selesa dengan ruang-ruang khusus. Walaupun tidak semua penduduk di Batu Tiga mempunyai rumah bantuan jabatan, namun lebih dari 90% dari rumah penduduk di sini dibina oleh pihak jabatan. Sudah tentu keadaan ini memperlihatkan perbezaan yang nyata dari segi struktur dan bentuknya.

Keadaan rumah-rumah di Batu Tiga lebih sempurna, dengan pembahagian ruang-ruang khas untuk memasak, tempat tidur, dan ruang tamu. Sementara bagi yang berkemampuan mereka mengubah suai rumah-rumah mereka supaya lebih luas dan selesa. Ruang tamu mereka turut dilengkapi dengan set kerusi seperti yang terdapat di rumah-rumah masyarakat umum yang lain.

6.4 Masalah Sosial

Ramai pihak berpendapat bahawa salah satu dari usaha untuk membangunkan masyarakat Orang Asli supaya seiring dengan masyarakat umum yang lain, masyarakat Orang Asli perlu diberi pendedahan dan perlu membentuk perhubungan dengan masyarakat umum yang lain. Apa yang berlaku implikasi pembentuk perhubungan di antara Orang Asli dengan masyarakat umum lain seperti Cina dan Melayu meninggalkan dua kesan yang nyata. Pertama kesan baik yang boleh dijadikan contoh dan ikutan agar mereka terus maju dan membangun, dan kedua kesan buruk yang akhirnya menimbulkan

masaalah sosial kepada masyarakat ini.

Implikasi baik yang terbentuk hasil dari perhubungan ini sememangnya amat diharapkan agar pendedahan yang diterima berupaya meningkatkan taraf sosio ekonomi. Namun disebalik implikasi yang menjadi harapan dan cita-cita pelbagai pihak, kita tidak dapat menolak kesan buruk yang melemahkan masyarakat ini.

Hasil penelitian yang dibuat didapati pengaruh perhubungan yang lebih luas dengan masyarakat luar meninggalkan implikasi lebih buruk. Di samping itu masalah ini turut dipengaruhi oleh faktor taraf pendidikan yang rendah, kemiskinan, desakan hidup, dan kawalan sosial yang longgar. Antara masalah sosial yang sering diperkatakan di kalangan masyarakat Orang Asli ialah pelacuran dan pelacuran bawah umur, pelayan, perempuan simpanan, ketagihan arah, berjudi, dan penagihan dadah.

6.4.0 Pelacuran

Penglibatan sesetengah daripada wanita Orang Asli dengan kegiatan pelacuran bukan merupakan satu fenomena baru dalam masyarakat ini. Kenyataan ini turut diakui oleh Roslan Nik (1989) yang juga membuat kajian dikalangan Orang Asli daripada suku Jakun. Desakan hidup menjadikan mereka mangsa kepada sesetengah golongan yang mengambil kesempatan

di atas kelemahan mereka.

Masalah sosial menjadi salah satu daripada gejala sosial yang serius terutamanya di Kampung Batu Tiga. Kedudukan kampung yang strategik menjadi salah satu dari faktor penyumbang kearah menggalakan kegiatan ini. Kawasan perkampungan ini terletak sebaris dan berjajar disepanjang sebelah kiri jalan menuju ke Bandar Rompin. Jalan ini juga menjadi laluan utama kenderaan berat pengangakut barang menuju negeri-negeri di Pantai Timur dan juga negeri di Selatan Semenanjung.

Aktiviti pelacuran ini berpusat disalah sebuah rumah seorang wanita yang telah kematian suami, ia dikatakan menjadi ibu ayam dalam kegiatan ini. Beliau turut dibantu oleh seorang lelaki berketurunan Indian dan memperisterikan wanita Orang Asli tempatan.

Para pelanggan aktiviti ini terdiri daripada berbagai golongan bangsa seperti Cina, India, Melayu, dan Orang Asli sendiri. Pelanggan yang terdiri dari mereka yang berketurunan Cina dan India merupakan pemandu-pemandu lori yang menggunakan laluan ini, dan peniaga sekitar Daerah Rompin. Pelanggan yang terdiri dari Orang Melayu terdiri daripada penduduk kampung-kanpung Melayu berhampiran. Sementara pelanggan yang terdiri daripada Orang Asli melibatkan mereka yang tinggal di Kampung Batu Tiga sendiri

dan juga mereka yang tinggal dari kampung-kampung lain.

Pelanggan boleh membuat pilihan berdasarkan dua pakej yang ditawarkan untuk kegiatan ini. Pakej pertama disitilahkan sebagai *bawa tidur* dan kedua melibatkan pakej *bawa jalan*. *Bawa tidur* bermaksud para pelanggan boleh menggunakan rumah ibu ayam berkenaan untuk mendapatkan perkhidmatan. Untuk pakej jenis ini para pelanggan biasanya terdiri daripada pemandu-pemandu lori, penduduk kampung berhampiran, dan penduduk tempatan.

Rumah yang menjadi milik ibu ayam berkenaan terletak kira-kira 10 meter dari jalan besar. Ianya kelihata kecil dan daif jika dilihat dari luar. Tetapi keadaan dari bahagian dalam rumah jauh berbeza dengan keadaan luarannya, ia kelihatan bersih dan kemas. Terdapat tiga ruang dalamnya, ruang dapur, ruang tamu dan ruang tidur. Ruang tidur dibahagikan kepada kepada tiga bilik dengan menggunakan kain tirai sebagai penghalang setiap bilik.

Sementara *bawa jalan* bermaksud para pelanggan akan menempah wanita terbabit dan membawa mereka ketempat-tempat lain. Kawasan yang menjadi tumpuan para pelanggan kegiatan ini disekitar bandar Segamat, Endau, dan Mersing. Kegiatan ini dilakukan di hotel-hotel murahan, dan rumah-rumah tumpangan.

Pakej *bawa jalan* melibatkan jangka masa yang lebih panjang berbanding dengan pakej *bawa tidur*. Ia boleh menjangkau 3 - 4 hari bergantung kepada keperluan pelanggan. Ada juga di antara 'kaki' yang menggunakan kaedah ini mencarikan pelanggan untuk pelacur berkenaan. Biasanya bayaran perkhidmatan yang dikenakan berbeza-beza bergantung kepada pakej yang digunakan. Bagi pakej *bawa jalan* bayaran perkhidmatan lebih mahal kerana masa yang lebih panjang. Kadar bayaran yang diterima antara RM30.00 - RM100.00.

Aktiviti melacur ini juga dilakukan oleh sesetengah wanita Orang Asli di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru. Aktiviti ini dilakukan secara sepenuh masa, dan ia bermula dengan menjadi pelayan kelab-kelab malam sebelum terjebak dalam kancang pelacuran.

Terdapat juga kes gadis-gadis Orang Asli ditipu dengan janji-janji manis individu tertentu, dengan menjanjikan pekerjaan sebagai pencuci pinggan atau pelayan di restoran, dan pekerja dikebun sayur. Kes ini berlaku di Kampung Langkap, dan telah melibatkan dua orang gadis adik-beradik di bawah umur.

Kedua beradik ini telah diperdaya oleh sepasang suami isteri juga dari keturunan Orang Asli, dan 'peranakan'. Mereka ditugaskan oleh taukeh untuk mendapatkan gadis-gadis

Orang Asli untuk tujuan pelacuran. Mereka meminta kebenaran kedua orang tua gadis berkenaan untuk membawa gadis-gadis ini dan menjanjikan pekerjaan kepada keduanya sebagai pekerja dikebun sayur seorang pemilik taukeh Cina. Pasangan ini berjanji akan membawa pulang kedua beradik ini dalam tempoh dua minggu selepas itu untuk menziarahi kedua orang tua mereka di kampung.

Selepas dua minggu ibu bapa gadis berkenaan menantikan kepulangan anak mereka tetapi hampa. Setelah sebulan lamanya menunggu, kedua ibu bapa gadis berkenaan mula mengesyaki sesuatu yang tidak baik telah berlaku kepada anak mereka. Akhirnya bapa gadis berkenaan telah berusaha mencari anak-anaknya dengan bantuan salah seorang daripada penduduk kampung. Setelah tidak juga berjaya mereka telah menghubungi pihak polis untuk mendapatkan bantuan.

Kedua-dua gadis berkenaan akhirnya ditemui bekerja disalah sebuah bar milik seorang taukeh Cina di Labis, Johor. Mereka dipaksa bekerja sebagai pencuci pinggan mangkuk dan pelayan bar. Kedua gadis terbabit kemudiannya dibawa ke Pusat Pemulihan Gadis dan Wanita di Negeri Sembilan untuk tempoh selama dua tahun. Setelah bapa gadis berkenaan membuat rayuan kepada mahkamah maka mereka dibenarkan pulang ke kampung halaman mereka. Taukeh terbabit hanya dikehendaki membayaran sebanyak RM200.00 kepada bapa mangsa sebagai bayaran urusan mahkamah. Tiada

sebarang tindakan undang-undang dikenakan kepada taukeh berkenaan.

Selain dari masalah pelacuran dan pelayan dibawah umur, terdapat juga kes wanita Orang Asli dijadikan perempuan simpanan kepada lelaki Cina. Wanita terbabit akan diberi tempat perlindungan yang selesa dan mereka dijadikan pasangan. Dalam kes seperti ini eksplorasi dilakukan ke atas wanita terbabit dengan melacurkan mereka untuk mengaut keuntungan.

Kegiatan pembalakan turut menjadi salah satu faktor yang menyumbang kearah berlakunya aktiviti pelacuran. Pada mulanya wanita-wanita Orang Asli diambil bekerja sebagai tukang masak di kongsi-kongsi balak. Dalam masa yang sama mereka akan dipaksa menjadi pasangan seks kepada lelaki-lelaki di kongsi tersebut.

6.4.1 Berjudi

Salah satu dari implikasi negatif yang dibawa oleh masyarakat Cina dan telah mempengaruhi masyarakat Orang Asli ialah kegiatan berjudi. Aktiviti berjudi kini telah menjadi sebahagian daripada cara hidup Orang Asli. Ia dilakukan oleh semua golongan tanpa mengira peringkat umur, dan jantina.

Di kalangan penduduk Kampung Batu Tiga aktiviti ini lebih dikenali dengan *berbangkong* atau *bercheki*. Kedua-dua istilah ini merujuk kepada permainan yang menggunakan kepingan kad yang berukuran 1" x 4". Kad-kad ini mempunyai corak berbentuk geometri dan berwarna hitam putih⁷.

Selain dari itu permainan judi dengan menggunakan *playing card* juga turut digunakan walau bagaimanapun permainan ini kurang popular. Kegiatan ini dilakukan setiap hari tidak kira pagi atau petang dan ia menjadi salah satu dari cara mereka mengisi masa lapang. Namun ada di antara sesetengah penduduk yang menjadikan kegiatan ini sebagai salah satu dari cara untuk mendapatkan wang dengan mudah. Hakikat tabiat suka berjudi ini diakui sendiri oleh salah seorang wanita tempatan dengan menyatakan;

*Urong Batu Tigak macom manak nak
kayak, harik-harik berbangkong.
Anok berik duit untuk beli makon
habis dibuot berbangkong. Anok
terpaksa belik makon, dah tu
pulok kuot minum arak. Urong Batu
Tigak kalu mau senong kelak nak
ikut macom urong Batu lapon.*

⁷. Berdasarkan perbualan dengan penyelia, Prof. Madya Dr. Tan Chee Beng, beliau menjelaskan permainan *cheki* ini merupakan permainan masyarakat keturunan baba.

Atau dalam Bahasa Melayu,

Orang Batu Tiga macam mana nak kaya, hari-hari *berbangkong* Anak beri duit untuk beli makanan habis dibuat *berbangkong*. Anak terpaksa beli makanan, dah tu pulak kuat minum arak. Orang Batu Tiga kalau nak senang perlu mengikur cara orang Batu Lapan⁸.

Bagi kaum wanita khususnya yang tidak bekerja dan menjadi suri rumah sepenuh masa, masa lapang mereka diisi dengan kegiatan *berbangkong*. Ada kalanya mereka *berbangkong* pada waktu pagi dan petang. Setelah menyelesaikan urusan rumah tangga dengan menyiapkan sarapan untuk anak-anak yang akan ke sekolah, dan suami yang akan ketempat kerja. Mereka akan mengunjungi rumah salah seorang daripada rakan mereka untuk *berbangkong* atau *bercheki*. Ada juga yang membawa bersama anak-anak yang masih kecil bersama bekalan susu dan kain lampin.

Berbangkong atau *bercheki* biasanya melibatkan ahli

⁸. Batu Lapan merupakan sebuah perkampungan Orang Asli yang boleh dijadikan contoh sebagai sebuah kampung yang maju. Aktiviti utama penduduk di sini ialah menjalankan kegiatan pertanian komersial untuk tujuan ekspot ke Singapura. Kampung mereka menjalankan pengkhususan kegiatan penanaman sayur-sayura.

seramai 8 - 10 orang. Pertaruhan yang digunakan biasanya berbentuk wang atau kain batik. Kalah menang seseorang bergantung kepada jumlah mata yang dipungut. Kebiasaananya seseorang perlu memperolehi tertinggi untuk diiktiraf sebagai pemenang. Jumlah pertaruhan yang ditawarkan untuk setiap set permainan antara RM0.50 - RM1.00.

Bagi pertaruhan yang menggunakan kain batik, seseorang perlu memperolehi 10 mata menang untuk satu set permainan. Mereka yang kalah dikehendaki membayar sejumlah wang kepada orang yang mempertaruhkan kain batik tersebut. Untuk mendapatkan jumlah yang perlu dibayar oleh setiap individu, harga kain tersebut perlu dibahagikan dengan jumlah ahli kumpulan.

Bagi golongan lelaki dan wanita yang bekerja aitiviti *berbangkong* dan *bercheki* juga dilakukan terutamanya disebelah petang selepas pulang dari tempat kerja. Kegiatan ini juga turut dilakukan semasa berlangsungnya upacara atau keramaian seperti sambutan tahun baru, perkahwinan, bercukur, dan ketika jamuan kesyukuran. Adakalanya kegiatan *berbangkong* atau *bercheki* ini akan berlangsung sehingga ke pagi.

Fenomena *berbangkong* atau *bercheki* jarang dilakukan di kalangan komuniti Jakun di Kampung Langkap. Masaalah ini tidak begitu serius, dan ia hanya dilakukan ketika

berlangsungnya jamuan kesyukuran, atau semasa upacara perkahwinan. Ianya hanya popular di kalangan golongan muda sahaja, sementara bagi golongan wanita pula aktiviti ini tidak popular.

6.4.2 Meminum Arak

Fenomena meminum arak dalam masyarakat Orang Asli boleh diinterpretasikan sebagai salah satu daripada fenomena perubahan. Mereka dikatakan telah berubah dari norma-norma yang berorientasikan nilai-nilai tradisi kepada norma dan nilai baru yang diterap daripada masyarakat asing. Gejala sosial ini telah dibawa oleh masyarakat luar dan akhirnya menjadi amalan masyarakat Orang Asli. Masalah ketagihan arak juga menjadi masalah sosial di kalangan masyarakat Orang Asli di Australia. Gejala ini dilihat sebagai sesuatu yang ditiru dari masyarakat kulit putih Australia (Collmann 1979).

Ketagihan arak juga merupakan antara masalah sosial yang tidak asing di kalangan komuniti Jakun. Tabiat ini dipengaruhi daripada masyarakat Cina yang membentuk hubungan dengan Orang Asli melalui hubungan perniagaan dan aktiviti pembalakan.

Fenomena meminum minuman keras bukan sekadar berlaku di kalangan golongan lelaki malah golongan wanita juga

turut terlibat. Kegiatan meminum beer menjadi lebih ketara terutamanya apabila sambutan sesuatu perayaan atau jamuan kesyukuran diadakan. Setiap kali sesuatu perayaan disambut ia dianggap tidak akan meriah tanpa disertai dengan beer.

Namun begitu masih terdapat segelintir golongan yang berpendidikan dan golongan yang mempunyai kesedaran tentang kesan buruk amalan ini tidak mengamalkannya. Malangnya golongan ini amat kecil bilangannya berbanding dengan bilangan yang mengamalkan tabiat ini.

Jenis *beer* yang diminum terdiri dari yang berjenama dan yang tidak berjenama. Bagi minuman jenis yang berjenama ia dianggap lebih berprestij, dan biasanya hanya diminum ketika upacara besar dilakukan. Antara jenis minuman yang dianggap berjenama seperti *Anchor, Guiness Stout, Heineken, dan Carlsberg*.

Manakala bagi *beer* yang tidak berjenama atau lebih dikenali dengan nama *air mabuk* di kalangan penduduk Kampung Batu Tiga. Antara jenis minuman yang tidak berjenama ini lebih popular dengan nama-nama seperti *Chiap Chow*, dan *Kepala Anjing*. Jenis minuman yang tidak berjenama ini menjadi minuman harian khususnya di kalangan penduduk Batu Tiga.

Minuman ini dijual di dalam botol yang mempunyai saiz

yang berbeza. Bagi botol yang 320 ml harganya RM5.00, dan RM2.50 bagi botol yang lebih kecil mengandungi 150 ml. Minuman jenis ini boleh dibeli dengan mudah di kedai runcit di kampung ini.

Ketagihan begitu jelas dalam masyarakat ini terutamanya apabila mendapat gaji setiap bulan. Mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap akan turut sama dijemput untuk minum beramai-ramai.

Bagi mereka yang mengalami masalah ketagihan, sekurang-kurangnya mereka perlu meminum satu botol air mabuk bersaiz 150 ml sehari. Sementara bagi mereka yang kesempitan wang mereka akan mencampurkan dengan air biasa supaya ia dapat diminum dalam jangka masa yang lebih lama. Di samping itu masalah ketagihan ini menyebabkan ada yang sanggup berhutang dengan taukeh kedai dan membayarnya secara ansuran dalam bentuk bulanan.

Kes seperti ini berlaku di kalangan penduduk di Batu Tiga. Terdapat satu kes seorang anak muda yang berhutang di salah sebuah kedai di kampung mereka, dan jumlahnya mencapai ratusan ringgit. Setiap bulan beliau terpaksa memperuntukan sejumlah wang untuk membayar hutang tersebut. Hutang ini sukar dilangsaikan kerana beliau masih terus membeli minuman tersebut.

Komuniti Jakun di Kampung Langkap didapati agak berbeza keadaannya. Fenomena ketagihan arak tidak berlaku, walau bagaimanapun mereka masih berpeluang meminum terutamanya apabila sambutan perayaan atau upacara tertentu diadakan. Keadaan ini timbul disebabkan kesukaran mendapatkan bekalan, dan kemampuan yang terbatas untuk membelinya.

Ketagihan arak boleh membawa kepada masalah mabuk yang lebih serius. Masalah ini walau bagaimanapun hanya berlaku ketika menyambut sesuatu pesta atau perayaan. Apabila jumlah yang diminum berlebihan maka kes pergaduhan boleh berlaku di antara sesama penduduk. Biasanya pergaduhan boleh berlaku apabila masing-masing berrebut untuk menari dengan anak gadis yang diminati. Sekiranya salah seorang tidak berpeluang menari dengan gadis tersebut maka pergaduhan boleh berlaku.

Selain daripada masalah ketagihan arak, masyarakat Orang Asli juga dikatakan turut terlibat dengan kegiatan penyalah gunaan dadah. Masalah ini berlaku khususnya di kalangan golongan belia Orang Asli di Batu Tiga. Walau bagaimanapun masih belum terdapat perangkaan terperinci yang dapat mengukuhkan telahan berhubung dengan masalah ini.